



قلست بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 42

RABU 17 OKTOBER, 1984.

رابو 21 محرم 1405

PERCUMA

KEBAWAH D.Y.M.M. BERANGKAT MELAWAT PERKHEMAHAN ASKAR GURKHA DI SERIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima kalungan bunga yang dipersembahkan oleh seorang kanak-kanak Sekolah Askar Gurkha semasa Baginda mengadakan lawatan ke Seria, Khamis lepas.

Pelajar berpotensi diseru ceburi bidang teknikal

LUMUT. — Pelajar-pelajar yang berpotensi dan berkelir di negara ini diseru supaya menampakkan kecenderungan dalam bidang-bidang teknikal bagi membolehkan mereka menceburi diri dalam bidang perusahaan minyak negara.

Penyelia Stesen Janakuasa Elektrik, Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad — SMSBSB, Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Besar menjelaskan, pelajar yang menampakkan kecenderungan mereka dalam bidang itu mempunyai harapan yang baik dan cerah bagi mengisi kerjaya bidang perusahaan minyak.

"Bagi syarikat ini, melibatkan diri dalam bidang ini adalah dirasakan sebagai

petanda yang dapat diharapkan supaya pelajar-pelajar yang berkelir akan dapat berkhidmat seperti mana juga dihasratkan oleh kerajaan, menceburi diri dalam bidang pekerjaan perusahaan minyak, sumber hasil-mahsul negara yang utama," beliau menjelaskan.

Berucap sebagai wakil syarikat di majlis penyampaian hadiah kepada pelajar-pelajar tersebut SMSBSB, juga antara lain menaja Permainan Bulutangkis bagi sekolah-sekolah rendah dan perlawanan bola sepak bagi belia-belia.

Sementara itu, Penolong Pengarah Pelajaran III, Awang Mohd. Denis memberitahu, pemilihan pemberian hadiah keputian itu berdasarkan perkara-perkara pencapaian kemajuan pelajar-pelajar dalam bidang pelajaran.

Lihat muka 20

PERKHEMAHAN Pasukan Keenam Queen Elizabeth's Own Gurkha Rifles yang berpangkalan di Seria pada hari Khamis lepas telah dikunjungi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu sebelum ini pada 29 Sept yang lepas, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan juga telah berkenan berangkat mengadakan lawatan yang sama.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Perkhemahan tersebut telah dialu-alukan dan dijunjung oleh Pegawai Pemerintah Askar Gurkha, Lieutenant Colonel R.F. Richardson-Aitken, serta Pesuruhjaya Tinggi British ke negara ini T.Y.T. Awg Francis Cornish. Sejurus keberangkatan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima "Tabik Hormat" dan berangkat memeriksa Perbarisan Pasukan Kawalan Keselamatan dari 64 orang anggota Askar Gurkha di

bawah Pemerintah Mejar P.P.A. Gould Bury.

Sejurus selepas memeriksa perbarisan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia selanjutnya berangkat ke pameran peralatan senjata serta menyaksikan berbagai-bagai kegiatan dari Unit-unit Pasukan Askar Gurkha.

Di kawasan pameran Baginda dijunjung menyaksikan berbagai jenis senjata yang digunakan oleh Askar Gurkha termasuk senjata-senjata berat seperti meriam pemusnah kereta kebal. Selain pameran senjata, tunjukkan taktik

Lihat muka 12

Ucapan terima kasih

KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Negara Brunei Darussalam, dengan sukacita mengurniakan sabda ucapan berbilang-banyak terima kasih kepada semua yang telah menyumbangkan perutusan tahniah dan ucap selamat di atas meluaran Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Azemah Ni'matul Bulqiah, iaitu Chuchunda kepada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia dan Puteri kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima menghadap Admiral William J. Crowe JR, Pegawai Pemerintah Angkatan Laut Amerika Syarikat di Pasifik dan Lautan Hindi Rabu lepas di Istana Nurul Iman.

Ketua Pemerintah Angkatan Laut A.S. menghadap Kebawah D.Y.M.M.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima menghadap Admiral William J. Crowe JR, Ketua Pemerintah Angkatan Laut Amerika Syarikat di Pasifik dan Lautan Hindi pada Rabu lepas di Istana Nurul Iman.

Admiral William J. Crowe JR, berusia 59 tahun tiba Selasa lalu, adalah merupakan bekas Pemerintah Angkatan Laut Amerika Syarikat di Eropah, dan kini mengetuai salah satu pasukan tentera laut terbesar Amerika di kawasan lebih 100 juta batu persegi di Lautan Pasifik dan Lautan Hindi iaitu lebih separuh permukaan bumi.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Kebawah Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan.

Dalam kunjungannya dua hari ke negara ini beliau telah mengadakan perjumpaan dengan Pegawai Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja

Brunei Brigedier Jeneral Dato Paduka Seri J.P.W. Friedberger dan YDM Pehin Orang Kaya Seri Dewa Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad serta mengadakan lawatan ke Perkhemahan Berakas dan Pengkalan Angkatan Tentera Laut di Muara serta bahagian-bahagiannya.

Majlis Konvokesyen MPSHB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah, Gadong akan mengadakan Majlis Konvokesyen ke-XII pada hari Khamis esok, 18 Oktober mulai jam 1.30 petang, bertempat di Auditorium maktab tersebut.

Majlis Konvokesyen itu akan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam majlis itu seramai 194 orang guru yang telah menamatkan kursus perguruan di maktab itu akan menerima sijil masing-masing dan dua orang pelajar terbaik dari aliran Melayu dan Inggeris juga akan menerima hadiah.

MANISNYA IMAN

"DAN terhadap orang-orang yang beriman serta beramal saleh, dia akan memperoleh balasan yang baik, dan kami (Raja Zulkarnain) akan memerintahkan kepadanya perintah yang ringan." — Makna ayat 88, Surah Al-Kahfi.



17 OKTOBER, 1984

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

KEMUNCULAN PEKEDAI-PEKEDAI MELAYU DI IBU NEGARA

PENIAGA-peniaga kecil yang ditempatkan di bangunan letak kereta bertingkat di ibu negara telah memulakan perniagaan. Mereka menyewa kedai yang dikhususkan oleh kerajaan.

Walaupun bilangan mereka tidak ramai berbanding dengan bilangan keseluruhan pekedai-pekedai di ibu negara akan tetapi menggumpalkan mereka di suatu tempat yang tersendiri

dengan cara-cara berkedai yang teratur dengan sendirinya menimbulkan semacam suasana baharu yang sebelum ini cuma dalam gambaran pemikiran orang-orang kita. Mungkin suasana perniagaan di tempat itu akan menepati hajat ramai orang-orang kita yang ingin melihat peniaga-peniaga Melayu berjaya secara berkedai di tengah-tengah kegiatan ekonomi di ibu negara. Dan lebih mungkin lagi suasana yang baharu itu akan mengilhamkan semua pihak bagi membuktikan kesungguhan pemikiran-pemikiran yang bertujuan memberikan corak baharu dalam kegiatan ekonomi negara pada keseluruhannya.

Kepada peniaga-peniaga yang terlibat mereka sepatutnya akan sentiasa mengambil kira bahawa peluang yang diberikan bukan sahaja bermakna jalan untuk memperbaiki serta meninggikan taraf usaha niaga mereka bahkan yang lebih penting ialah bagi memastikan bahawa dasar kerajaan untuk mewujudkan peniaga-peniaga Melayu tempatan akan mendapat kekuatan menerusi kejayaan setiap peniaga yang sudah mendapat peluang itu serta menerusi kesedaran orang ramai termasuklah orang-orang bukan Melayu bagi turut menjayakan dasar tersebut. Dalam hal ini kita tidak gemar menyebut usaha-usaha kerajaan dalam memajukan orang-orang Melayu tempatan sebagai suatu strategi mengimbangi kemajuan perniagaan orang-orang lain di negara ini. Memadailah semua pihak menyedari bahawa

penyertaan yang aktif rakyat asal yang terdiri daripada orang-orang Melayu dalam kegiatan ekonomi adalah penting bagi menepati aspirasi kerajaan dan rakyat negara ini.

Kerana itu peluang-peluang perniagaan seperti yang diberikan di ibu negara itu sudah barang tentu akan dilartakan ke pekan-pekan di seluruh daerah dan hal ini tidak harus dilihat dengan perasaan curiga oleh sesiapa sebab kerajaan memang sewajarnya berbuat demikian seperti juga halnya kerajaan telah membuka peluang yang luas bagi kemajuan keseluruhan perniagaan dan perdagangan selama ini.

Sesungguhnya seruan-seruan kerajaan supaya rakyat asal negara ini mengambil peluang-peluang untuk berniaga sudahpun jelas kelihatan mendapat sambutan. Yang lebih ketara dapat disaksikan ialah semakin ramai orang-orang kita yang muncul berusaha niaga secara kecil-kecilan hampir di merata tempat di seluruh negara. Sungguhpun keadaan ini menimbulkan masalah seperti penempatan yang sesuai serta juga kawalan tetapi masalah sedemikian itu dipercayai tidaklah akan menjadi sebab bagi melemahkan kemahuan mereka itu yang dengan sendirinya akan melemahkan juga pencapaian hasrat kerajaan yang mahukan orang-orang kita bergiat memajukan diri dengan berniaga secara kecil-kecilan. Kedudukan yang ada setakat ini masih belum rumit. Pihak-pihak berkenaan kerajaan dan peniaga-peniaga yang

baharu muncul itu selayaknya dapat berkerjasama bagi memastikan bahawa dalam memajukan dan meningkatkan kegiatan rakyat asal di bidang ekonomi usaha akan dilakukan secara berperaturan. Yang penting kesemua pihak hendaknya menyedari bahawa selain kepentingan kalangan peniaga-peniaga maka kepentingan orang ramai pada keseluruhannya patutlah diutamakan. Dalam hubungan kepentingan orang ramai itulah langkah mengesankan peraturan di samping menimbangkannya bagi disesuaikan dengan keperluan-keperluan yang berbangkit sangatlah mustahak. Kita percaya, pihak-pihak berkenaan kerajaan sedia mempunyai pemikiran mengenai hal ini.

Seperti juga penempatan peniaga-peniaga di bangunan letak kereta bertingkat yang dahulunya berusaha secara kecil-kecilan bukan selesai setakat menempatkan mereka tanpa berperaturan maka demikianlah halnya dalam kes peniaga-peniaga yang baharu muncul di merata-merata tempat. Tetapi jangan pula disalah ertikan bahawa kerajaan akan semata-mata menurut kehendak mereka itu tanpa mereka itu sendiri sedar dan insaf untuk mematuhi langkah-langkah kerajaan yang juga bertanggungjawab kepada kepentingan awam.

Suasana yang terbentuk di ibu negara dengan munculnya pekedai-pekedai Melayu adalah bukti kejayaan rancangan-rancangan memajukan dan meningkatkan kegiatan peniaga-peniaga kecil secara berperaturan.

SEJARAH DAN PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ceramah oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (DR.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri Pengetua Pusat Sejarah Negara Brunei Darussalam pada hari Sabtu (malam Ahad) 29 September, 1984 di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka.

Brunei ini tidak dapat disesuaikan dengan kedudukannya.

Setelah perkara ini disedari oleh orang Brunei sendiri maka kedudukan Bahasa Melayu inipun mula menjadi masalah yang diperbincangkan untuk diketengahkan semula terutama sekali sesudah pihak intelektual yang terdiri daripada orang Brunei sendiri telah banyak yang menyedari perkara ini. Apabila Perlembagaan telah disusun oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan telah dijadikan undang-undang pada 29 September, T.M. 1959 maka Bahasa Melayu ini telah ditempatkan pula menjadi Bahasa Rasmi Negara seperti yang tersebut dalam Bab 82 (1).

Sungguhpun demikian, tidak sunyi pula orang mengatakan Bahasa Melayu ini belum layak untuk menjadi bahasa rasmi, kerana isi kandungan Bahasa Melayu itu dikatakan belum lengkap terutama sekali mengenai perkataan-perkataan teknikal dan ayat-ayat yang digunakan dalam undang-undang untuk menepati sesuatu maksud. Tetapi Alhamdulillah, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan tidak menghiraukan kritik membuta tuli itu, malah terus-

kelonggaran untuk menggunakan bahasa Inggeris itu telah diberikan kepada mereka, tetapi dasar Negara Brunei Darussalam untuk memakai Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang sendiri itu tetap dijalankan tanpa menghiraukan apa juga halangan-halangan yang dihadapi.

Bahasa Melayu yang sebenarnya sudah boleh dipakai dalam segala lapangan pekerjaan hanya tergantung kepada pihak yang menggunakan itu, sama ada mahu atau sebaliknya kerana perkataan yang terkandung di dalamnya sudah mencukupi dan tiap-tiap bahasa yang ada di dunia inipun boleh dikatakan tidak ada yang suci tanpa menggunakan perkataan dari bahasa lain.

Mengenai dengan masalah tidak kecukupan istilah atau bahasa-bahasa yang diperlukan pada masa ini tidak menjadi soal lagi kerana apa jua perkataan dari bahasa lain boleh disesuaikan dengan Bahasa Melayu atau dapat digunakan bulat-bulat di-jadikan bahasa Melayu sendiri asalkan penggunaannya sesuai. Bahasa lain yang termasyhur seperti bahasa Inggeris pun mengandungi bahasa lain seperti bahasa Arab, bahasa Perancis, bahasa Jepun, bahasa Jerman dan bahasa Melayu juga terkandung di dalamnya seperti amok, keris, compound yang berasal daripada kampung. Lihat Oxford Dictionary.

Sebab itu Bahasa Melayu yang telah menjadi bahasa rasmi ini boleh terus digunakan dalam lapangan pekerjaan dan jika ada perkataan-perkataan lain yang diperlukan bolehlah perkataan itu diambil bulat-

bulat atau diistilahkan menurut ejaan yang ditentukan kerana sesuatu perkataan itu jika telah meresap akhirnya akan terus menjadi Bahasa Melayu sendiri. Sebagai misal, nama hari dan bulan Islam semuanya berasal daripada bahasa Arab tetapi sekarang semua nama hari dan bulan itu telah diiktirafkan menjadi bahasa Melayu. Begitu juga halnya dengan nama benda yang asalnya daripada bahasa lain tetapi selalu disebut dan digunakan, akhirnya telah difahami oleh orang Melayu dan terus menjadi Bahasa Melayu seperti televisyen, radio, telefon, basikal, stadium dan sebagainya.

Sebab-sebab yang menjadikan bahasa Melayu tertindih pada garis kasarnya perkara ini dapat diketahui dari beberapa sebab:

1. Pada masa Kerajaan Inggeris berkuasa di negara ini, mereka sentiasa menggalakkan Pegawai-Pegawai Kerajaan mempelajari bahasa Inggeris dengan maksud supaya mereka itu dapat diaturnya menjalankan pekerjaan dengan menggunakan bahasa Inggeris. Usaha ini secara tidak langsung dimaksudkan untuk menindih bahasa ibunda negara yang dikuasai itu supaya tidak dapat diketengahkan. Maka dengan jalan ini tiap-tiap orang yang hendak mengejar kedudukan dan ketinggian akan mempelajari bahasa Inggeris dengan bersungguhsungguh yang semata-mata untuk dihasratkan bagi menjawab sesuatu pekerjaan yang lumayan pendapatannya sehingga membiarkan bahasa ibundanya sendiri tanpa menyedari akibat yang akan terjadi terhadap bahasanya sendiri itu bila telah beransur kabur.

2. Pihak pemerintah Inggeris yang telah mengatur sesuatu pekerjaan itu seberapa boleh menggunakan

Lihat muka 3

176 menerima hadiah kepujiaan BSP

MUARA. — Seramai 176 orang murid sekolah-sekolah rendah Kerajaan, Misi, dan China di dalam kawasan Brunei Satu, Dua dan Tiga telah menerima hadiah-hadiah kepujiaan yang disumbangkan oleh Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad.

Majlis penyampaian hadiah kepujiaan yang telah diadakan di Dewan S.M. SUAS, Muara itu telah disempurnakan oleh Pegawai Perantaraan Sekolah-sekolah Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad, Awang Abed bin Abdul Hamid, yang mana kesemua murid-murid yang menerima hadiah tersebut adalah berdasarkan kepada

pencapaian mereka di bidang pelajaran serta disiplin selain mengambil kira kegiatan aktiviti-aktiviti mereka.

Terdahulu sebelum menyampaikan hadiah-hadiah, dalam ucapannya Awg. Abed menyeru kepada murid-murid supaya akan sentiasa menumpukan perhatian terhadap pelajaran serta mempergunakan segala bantuan-bantuan pelajaran yang disediakan dengan sepenuhnya.

Setiap murid katanya, hendaklah memberikan perhatian yang lebih serius terhadap pelajaran terutama dalam mata-mata pelajaran

Sains dan Ilmu Hisab.

Awang Abed menjelaskan, dengan mempunyai asas yang kukuh dalam mata-mata pelajaran tersebut, murid-murid tertentu akan mempunyai peluang yang cerah bagi memasuki peluang pekerjaan teknikal yang mana Syarikat Minyak Shell Brunei jelasnya, sangat-sangat memerlukan mereka yang berkelulusan seperti itu.

Selain dari memberikan hadiah-hadiah kepujiaan, Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad juga telah memberikan bantuan dermasiswa kepada pelajar-pelajar tempatan yang mem-

punyai kebolehan yang tertentu untuk melanjutkan pelajaran peringkat tertinggi di luar negeri.

Penyelia Kanan Sekolah-sekolah Daerah Brunei dan Muara, Awg. Haji Abd Samad bin Kahar yang juga selaku Pengerusi majlis telah menyampaikan ucapan alu-aluannya yang antara lain memberikan penghargaan terima kasih di atas sumbangan Syarikat tersebut.

Majlis pada hari itu diakhiri dengan bacaan do'a selamat yang dibacakan oleh Ustaz Awang Metusin bin Bagol, Ketua Guru Ugama Sekolah Melayu SUAS Muara.



AWANG Abed bin Abdul Hamid Pegawai Perantaraan Sekolah-sekolah Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad menyampaikan hadiah penghargaan shell kepada Dayang Rohani bte Md Salleh, dari Sekolah Rendah Dato Ahmad.

Sejarah dan perkembangan Bahasa Melayu

— Sambungan dari muka 2

bahasa Inggeris sehingga surat-surat yang dihantar kepada orang yang tidak mengetahui bahasa Inggeris pun ditulis dalam bahasa Inggeris juga tanpa menghiraukan sama ada maksud yang terkandung dalam surat itu difahami oleh penerimanya atau sebaliknya.

3. Penilaian kecekapan dalam sesuatu pekerjaan diutamakan kepada orang yang mengetahui bahasa Inggeris yang kadang-kadang pengetahuan bahasa Inggeris yang masih pecah-pecah biji pun dianggap lebih utama daripada orang yang mempunyai ilmu pengetahuan dalam bahasa lain, terutama dalam bahasa ibunda bagi negeri-negeri yang dikuasai itu.

4. Apabila orang yang telah disebutkan sedemikian itu berjaya mencapai sesuatu kedudukan maka pengaruh kedudukan itu mendorong jiwanya terus menggunakan bahasa Inggeris itu sebagai bahasa utama dan bertaraf tinggi bagi pekerjaan yang dijalankan dan timbullah pula kekhuatiran jika ia menggunakan bahasa ibundanya sendiri boleh jadi penggunaan bahasa itu tidak seimbang dengan maksud yang dikehendakinya.

5. Semakin banyak orang yang sedemikian ini di dalam masyarakat semakin sukar maksud penggunaan bahasa ibunda itu hendak digunakan di lapangan sesuatu pekerjaan, lebih-lebih lagi kalau mereka yang kurang mengetahui selok-belok bahasa ibunda itu mempunyai kuasa yang boleh memutihkan dan menguningkan sesuatu perkara.

6. Bagi pelajar-pelajar yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantarnya tanpa mengetahui bahasa Inggeris, bukan hanya tidak

dapat meningkatkan pengajian yang lebih tinggi, mereka yang seperti ini sukar pula untuk mendapatkan kedudukan yang lebih tinggi dan mengetengahkan penggunaan bahasa ibunda ini terutama di lapangan pentadbiran yang memerlukan ilmu pengetahuan yang mendalam.

Mengapa Bahasa Melayu yang telah menjadi Bahasa Rasmi Brunei ini masih belum terlaksana pemakaiannya pada keseluruhannya terutama di lapangan pekerjaan Kerajaan atau pihak swasta, padahal selama ini Kerajaan telah menggalakkan penggunaannya sehingga beberapa surat keliling telah dikeluarkan untuk menggalakkan Pegawai-Pegawai Kerajaan dan orang ramai supaya menggunakan bahasa yang telah dirasmikan itu dan sebaliknya perkara ini masih berlarutan. Hingga 29 September, T.M. 1984 pun masih banyak lagi orang yang belum fasih berbahasa Melayu termasuk anak-anak asing yang telah menjadi rakyat Brunei, sedangkan penduduk-penduduk yang akan memohon menjadi rakyat Brunei, yang patut mempelajari bahasa Melayu pun masih berdiam diri seolah-olah bahasa Melayu yang dipersyarakatkan itu tidak diambil perhatian berat. Atau dengan kata yang lain mereka yang telah diberi peluang di Brunei mensifatkan kebenaran tinggal ini sebagai hak mutlak tanpa mempelajari Bahasa Melayu.

Oleh kerana rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sendiri menjadi punca utama dalam pelaksanaan dan pemakaian Bahasa Melayu ini maka tiap-tiap yang berkenaan mesti mengetahui selok-belok Bahasa Melayu ini dan mempelajarinya dengan sedalam-dalamnya yang bukan dilakukan sambil lewa tetapi bermula dari peringkat persekolahan permulaan hingga ke peringkat persekolahan tertinggi. Jika mereka ini tidak mengetahui selok-belok

Bahasa Melayu, walaupun ditegaskan maksud penggunaannya mungkin hasrat itu tidak akan mempunyai kesan yang menyeluruh. Sebagai misal, jika seorang itu telah diberi pelajaran melalui pengantar bahasa Inggeris dari permulaan sehingga sampai ke peringkat tinggi dan universiti tanpa memberi pengajaran Bahasa Melayu kepadanya atau percampurannya dengan ibu bapanya disifatkan sebagai suatu pengajaran yang telah memadai untuk mereka mempelajari bahasa Melayu itu sudah tentu orang yang sedemikian ini tidak akan dapat menggunakan Bahasa Melayu dengan selancar-lancarnya atau sudah memadai untuk mengetahui selok-belok makna atau pengertian bahasa Melayu yang diperlukan itu. Maka orang yang sedemikian inilah yang selalu menjadi penghalang kepada penggunaan Bahasa Melayu itu kerana dirinya yang tidak pandai berbahasa Melayu itu telah dijadikan suatu ukuran dan alasan untuk mengatakan bahawa Bahasa Melayu itu tidak boleh digunakan; padahal bukan bahasa Melayu belum layak tetapi ianya sendiri yang tidak mengetahui selok-belok Bahasa Melayu, ini terutama sekali kalau orang yang sedemikian ini memegang tampuk pentadbiran yang tertinggi yang boleh memutihkan orang-orang yang di bawahnya atau jika kata-katanya sudah dipercayai.

Untuk menyelesaikan masalah ini memerlukan pelajar-pelajar yang berjajaz dalam bahasa ibundanya yang mengandungi berbagai lapangan ilmu pengetahuan atau yang mengetahui bahasa ibunda yang setinggi-tingginya yang berjajaz dalam bahasa lain seperti bahasa Inggeris yang bersemangat kebangsaan dan menyedari kedudukan bahasa Melayu yang menjadi bahasa ibundanya. Orang yang sedemikian inilah yang diharapkan untuk menggalakkan pemakaian bahasa Melayu dalam sesuatu pekerjaan. Di samping itu kesedaran dan keinsafan terhadap bangsa sendiri

sangat diperlukan, kerana kedua perkara inilah yang mendorong hasrat untuk mengusahakan penggunaan bahasa Melayu dalam lapangan pekerjaan yang mengandungi berbagai-bagai masalah yang akan dihadapi itu.

Perkara yang disebutkan ini sebanyak sedikit dapatlah dijadikan panduan secara kasar untuk mengetahui kedudukan Bahasa Melayu yang telah menjadi bahasa rasmi itu supaya dapat dipraktikkan atau digunakan menjadi bahasa rasmi yang tulen dan menjadi penyambung lidah di negara kita. Perlu diingatkan juga bahawa perkara yang menghalang maksud ini kalau pihak yang akan menggunakan bahasa Melayu ini belum cukup mengetahui selok-belok penggunaannya menurut pengertian yang sebenar. Sebab itu pengajaran bahasa Melayu ini dipesatkan supaya orang yang tidak mengetahui bahasa Melayu itu tidak menjadi penghalang lagi.

Mengenai dengan mempelajari bahasa lain seperti bahasa Inggeris dan sebagainya adalah dimaksudkan semata-mata untuk mendapatkan ilmu pengetahuan supaya isi kandungan Bahasa Melayu dapat ditambah dengan ilmu pengetahuan yang telah dipelajari daripada bahasa lain itu. Sebab itu sistem mempelajari dua bahasa yang utama digunakan dalam sekolah-sekolah kerajaan yang diadakan baru-baru ini dipakai untuk membolehkan rakyat dan penduduk Negara Brunei ini mempelajari Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang pada masa ini lebih mudah untuk dicapai supaya ilmu-ilmu yang terkandung di dalam bahasa Inggeris itu dapat dipelajari dengan harapan supaya banyak orang Brunei yang berpengetahuan dua bahasa itu dapat dijadikan guru yang akan mengajarkan ilmu pengetahuan dalam bahasa Melayu atau orang yang berilmu yang akan mengisi bahasa Melayu dengan ilmu pengetahuan, tetapi kalau banyak orang yang berilmu itu boleh berbahasa Melayu lebih mudah

ilmu itu disalurkan melalui bahasa Melayu dari bahasa lain kerana mempelajari secara lebih mudah itu boleh menguntungkan masa dan banyak ilmu yang boleh didapati.

Sistem dwi bahasa ini pada hakikatnya untuk membolehkan penuntut-penuntut mempelajari ilmu-ilmu pengetahuan yang diperlukan melalui dua bahasa tersebut supaya pada sesuatu masa nanti ilmu-ilmu pengetahuan yang tinggi-tinggi itu dapat dicapai melalui pengantaraan Bahasa Melayu. Akan tetapi perkara ini ada juga orang yang menyalah ertikan dengan mengatakan bahawa penggunaan sistem dwi bahasa itu akan membolehkan orang Brunei berbahasa Inggeris dengan lancar dan dapat menggunakan bahasa itu bila berhadapan dengan bangsa-bangsa lain kerana bahasa Inggeris telah menjadi bahasa internasional atau dengan kata yang lain, maksud ini telah diputarbelitkan, seolah-olah pula hendak menjadikan orang Brunei, bangsa yang berbahasa Inggeris dan hendak menjadikan Bahasa Melayu yang telah menjadi Bahasa Rasmi itu disifatkan bahasa yang kedua pula tanpa menghiraukan kedudukan Bahasa Melayu yang telah menjadi Bahasa Rasmi Negara seperti yang tersebut dalam Perlembagaan Tahun 1959 Bab 82 (1) dan Negara Brunei Darussalam bukan Negara Melayu.

Dalam maksud ini perlu diingat juga titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang telah mengingatkan bahawa orang asing yang hendak mendapatkan Taraf Kerakyatan Negara Brunei Darussalam ini, bukan hanya dikehendaki mempelajari Bahasa Melayu dan mengamalkannya sebagai bahasa diri sendiri tetapi mereka itu juga dikehendaki mengetahui dan mengamalkan adat resam dan kebudayaan Brunei sebagai cara hidup. Kedua perkara ini bukan untuk dijadikan batu loncatan kepada pencapaian sesuatu maksud atau dibuat dengan secara berpura-pura untuk mendapatkan taraf

kerakyatan sahaja tetapi hendaklah dilakukan dengan tulus ikhlas dengan bersungguh-sungguh. Kalau Kerajaan Baginda telah mengumukikan peluang untuk menjadi rakyat itu dengan mensyaratkan seseorang itu fasih berbahasa Melayu dan mengetahui serta mengamalkan adat resam Brunei, sudah sewajarnya titah Baginda itu ditaati dan disempurnakan supaya pengurniaan itu berbalai dengan khidmat yang akan disembahkan oleh pihak yang dikurniakan. Atau dengan kata yang lain kalau sudah menjadi rakyat Brunei lucutkanlah kerakyatan dan sebutan bangsa yang asal sehingga perasaan yang baru itu meresap. Sebaliknya kalau Bahasa Melayu yang diper-syaratkan itu diabaikan dan adat resam diri sendiri pula yang diketengahkan untuk dijadikan kebudayaan bangsa Brunei adakah maksud ini bersesuaian dengan titah itu, dan apakah akan terjadi nanti kalau pengaruh itu telah menindih ketulenan adat resam Brunei itu?

Setelah 25 tahun Bahasa Melayu itu menjadi bahasa rasmi dan Negara Brunei Darussalam pun telah mencapai kemerdekaan penuh, serta bangsa Brunei pun telah berdaulat, sudah sepatutnya Bahasa Melayu terus-menerus menjadi bahasa rasmi yang tunggal dan didukung oleh seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini dengan mengamalkannya dalam segala lapangan yang bukan hanya setakat bercakap hari-hari tetapi juga digunakan di Jabatan-Jabatan Kerajaan dan pihak swasta terutama firma-firma yang besar-besar untuk mengukuhkan dan membuktikan taat setia mereka terhadap hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang menjadi tempat mereka berada dan menjalankan usaha yang sebanyak sedikit telah menghasilkan keuntungan kepada diri mereka masing-masing yang sepatutnya tidak ada lagi dalih-mendalihkan kalau benar mereka itu ikhlas.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....

MENGANGGOTAI 'PERTUBUHAN LION' DAN SEUMPAMANYA

ORANG Islam dan umat Islam itu ada mempunyai agama sendiri, adat sendiri, peribadi sendiri, identiti sendiri dan budi bicara sendiri dan kebudayaan sendiri.

Firman Allah Taala (dalam surah Al-Kafirun ayat 6) Tafsirannya: "Bagi kamu agama yang kufur dan syirik, menyekutukan Allah Taala dengan makhluk itu, dan bagi saya (Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam) agama saya iaitu agama Allah agama Islam. Ayat Quran ini selalu kita baca dalam sembahyang sebagai jadi sempadan.

Orang Islam dan umat Islam itu mulia sebagaimana Firman Allah Taala: Surah Al-Munafikun ayat 8: Tafsirannya: "Bagi Allah itu kemenangan dan kekuatan dan bagi Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam ada mempunyai kemenangan dengan menzahirkan agama Islam dan bagi orang-orang Islam mukminin dan mukminat ada mempunyai kemuliaan dan kemenangan yang boleh mengatasi di atas siapa sahaja yang menghalang mereka."

Atau tafsirannya: "Bagi Allah Taala itu kemenangan dan kekuatan, dan bagi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam yang telah dikurniakan kemuliaan oleh Allah Taala dan bagi orang-orang mukminin dan mukminat itu, mereka semua ada kemenangan dan kekuatan daripada Allah Taala." Dari tafsir-tafsir al-Jalalain dan al-Baidhawi.

Menurut suatu Hadis Marfuk:

Ertinya: "Agama Islam itu mulia mengatasi agama lain dan tiada ada agama lain dapat dan boleh mengatasi agama Islam."

Mengapa setengah-setengah umat Islam dan orang Islam yang beriman itu bersifat hina dan tiada bersifat mulia, dan mengapa setengah-setengah orang Islam yang beriman suka berlingkup di sebelah orang lain, suka berteduh di bawah ketiak orang, alangkah hina dan lemah semangat orang Islam yang sebegitu rupa kelakuannya dan sebagaimana menurut ayat Al-Quran dan Hadis di atas.

Menurut suatu Hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Yaala daripada sahabat Ibnu Masud Radiallahuan: Ertinya: "Barangsiapa membanyakkan bilangan sesuatu kumpulan atau kaum, maka ia dianggap sebagai seorang dari kaum itu atau kumpulan itu." Menurut satu hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bazzar daripada sahabat Huzaifah dan Abu Hurairah Radiallah Anhumma dan daripada sahabat Anas Radiallahu yang diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Nuem dalam tarikh Asfehan, dan Hadis Tawus Mursal yang diriwayatkan oleh Al-Imam al-Qudhac.

Ertinya: "Jarang-jarang seseorang itu, apabila ia

menyerupai sesuatu kaum, maka jadilah ia seorang daripada kaum itu."

Suatu hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam At-Termizi: Ertinya: Bukan dari bangsa kita Islam, barangsiapa yang menyerupai dan meniru kelakuan orang bukan Islam."

Menurut tiga hadis yang di atas ini, maka orang-orang Islam yang memasukkan diri dan mencampurkan diri di dalam sesuatu kumpulan orang bukan Islam, maka ia dianggap orang bukan Islam, kerana orang Islam itu mulia, ia enggan dari meninggalkan kumpulan orang Islam, dan ia pergi bernaung di bawah pengaruh orang lain menurut hadis-hadis di atas ini.

Menurut dalam akhbar Rabitah al-Alam al-Islami di Mekah Al-Mukarramah menurut keterangan Al-Allamah, as-Said Muhammad Amin Al-Hussaini, Mufti Palestin, anggota Pengasas Rabitah Al-Alam Al-Islami dan Ketua Lembaga Tinggi bagi Palestin bahawa "Kelab Lion itu ditubuhkan oleh orang Amerika di Amerika Syarikat."

Menurut akhbar Rabitah al-Islami di Mekah Al-Mukarramah yang dikeluarkan tiap-tiap minggu di Mekah Al-Mukarramah (Liga Islam) bahawa Kelab Rotary, Syuhud Yahush (Jehora's

Witness), dan Freemason dan lain-lain nama seperti itu adalah ditubuhkan oleh Zionis Yahudi di antara bangsa kerana tujuan menguatkan kedudukan mereka bagi merebut Palestin dan lain-lain kawasan di sebelah Palestin bagi kepentingan bangsa Yahudi.

Berkata Doktor Ahmad Shalabi, Profesor Tarikh Islam dan Kebudayaan Islam pada Universiti Al-Khairah dalam kitabnya Muqaranatul-adyan (perbandingan antara agama bahagian Yahudi): "Bahawa protokol ahli cerdik pandai orang-orang Yahudi dari kalangan Zionis yang telah mereka ambil keputusan dengan cara sulit iaitu rancangan jahat terhadap umat-umat manusia amnya dan keputusan itu nyatalah dibuat dari timbulnya kesusahan yang ditimpakan ke atas orang-orang Yahudi di Eropah pada kurun 19, (sebagaimana Per-masyhuran Lembaga Mengawal Hak-Hak Manusia diterbitkan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu selepas Peperangan Dunia yang kedua ialah dari kesan orang-orang Yahudi di Jerman telah disiksa oleh Hitler dan Nazi Jerman). Ialah sebagai tindak balas ke atas orang-orang Eropah dan manusia seluruhnya.

Tujuan protokol itu mendirikan suatu barisan Antarabangsa yang tunduk di bawah telunjuk orang-orang

Yahudi dan dikendalikan oleh sebuah Kerajaan Yahudi.

Setengah dari cara untuk sampai kepada tujuan itu ialah:

1. Memimpin bangsa Yahudi pada berkuasa dan memberi perangsang bahawa orang-orang Yahudi adalah umat Allah yang terpilih dan suatu bangsa yang istimewa.

Untuk sampai kepada tujuan itu hendaklah dirosakan segala tanahair manusia dan dihilangkan segala agama dan semua rupa kebangsaan di alam dunia, dan bekerja menyebarkan ajaran Komunis dan ajaran Kapitalis dan dicampurkan dengan semangat gilakan kemerdekaan dan sukakan kesamarataan, kemudian mereka menyeru bahawa taat dan berpangkat-pangkat dan berkelas-kelas itu asas bagi nilai-nilai kemanusiaan, dalam pada itu mereka menyebarkan Ibahiyah di antara pemuda-pemudi dan keadaan resah dalam sesuatu kehidupan manusia itu.

(Sila baca 19 protokol dari kitab di atas ini. Dari muka 250 - 264 dan kisah protokol yang rahsia itu dapat ke tangan orang luar dan disiarkan di antara-bangsa dalam Bahasa Inggeris, Francis dan bahasa Arab).

2. Mereka bekerja dalam sulit:

1. Membangkitkan fitnah dan huru-hara.



2. Berada di belakang agensi perkhidmatan Majalah-Majalah dan khabar Antarabangsa.
3. Mengintip rahsia-rahsia Kerajaan, kaum-kaum dan kumpulan-kumpulan.
4. Duduk di belakang agama, supaya dapat mengambil rahsia sesuatu agama itu.
5. Mengganas ke atas orang-orang yang tertentu.
6. Mengadakan persatuan-persatuan rahsia dan sulit seperti:
 1. Freemason atau Masuniah.
 2. Kelab-Kelab Rotary.
 3. Bahai.

(Sila lihat muka surat 287 - 310 dari kitab itu telah diterangkan oleh Pengarang dengan tiada berat sebelah atau memihak ke mana-mana pihak.)

(Saya telah membaca kitab protokol itu pada tahun 1951 dengan ihsan pinjaman kenalan saya Datu Said Ibrahim bin Umar As-Sagaf yang terkenal di Singapura, Orang kaya dan Konsul Agung Kehormat Saudi Rahimahullahu.

WALLAHUAKLAM
(Bersambung)

PENDIDIKAN UGAMA PENTING DALAM MEMBENTUK SIKAP

BANDAR SERI BEGAWAN. Pendidikan dan pengetahuan pelajaran Agama adalah satu-satunya pengetahuan yang amat penting dalam membentuk sikap, sifat, serta akhlak kehidupan seseorang.

"Seseorang yang mempunyai pelajaran tetapi tidak dihubungkan dengan akhlak adalah sia-sia saja dan merugikan diri sendiri."

Pegawai Hal-Ehwal Masyarakat Barat Syarikat

Minyak Shell Brunei, Awang Mohd Sharif bin Haji Naweh berucap demikian di Majlis Penyampaian Hadiah Kepujian kepada murid-murid Sekolah Agama kawasan Brunei-Muara yang disumbangkan oleh Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad seterusnya berkata pengiktirafan di bidang pelajaran bukan hanya setakat kepada akademiknya ataupun kepada pengetahuannya malahan ianya menyeluruh

dalam segenap sudut.

Menyentuh mengenai pelajaran agama beliau menaruh harapan kepada semua penuntut supaya menjadikan kejayaan mereka sebagai pendorong untuk lebih maju lagi dan berharap kejayaan yang dicapai itu bukanlah setakat bagi tahun ini saja, malahan ianya akan berterusan di tahun-tahun akan datang.

Beliau menambah, ke arah memajukan bidang pelajaran

di negara ini, Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad telah memberikan berbagai sumbangan kepada pelajar-pelajar peringkat rendah dan menengah termasuk maktab-maktab perguruan.

Seramai 120 orang murid-murid Sekolah Agama yang memperoleh keputusan yang cemerlang di sekolah masing-masing telah menerima hadiah kepujian mereka yang disampaikan oleh Awang Mohd Sharif Haji Naweh.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 17 Oktober, 1984 hingga ke hari Selasa 23 Oktober, 1984 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
17-20	12.12	3.29	3.30	6.10	6.11	7.25	7.26	4.47	4.33	4.48	6.04	6.05
21-23	12.11	3.28	3.29	6.09	6.10	7.23	7.24	4.47	4.33	4.48	6.04	6.05

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

M.V. Paknam latih nelayan

KAPAL Latihan Pusat Perkembangan Perikanan Asia Tenggara (SEAFDEC) M.V. Paknam telah tiba di Pelabuhan Muara bagi mengadakan satu lawatan sambil belajar ke Negara Brunei Darussalam. Kapal M.V. Paknam adalah kapal latihan yang dikendalikan oleh pusat tersebut bagi melatih nelayan-nelayan daripada negara-negara anggota SEAFDEC. Kapal yang panjangnya 41.8 meter (137 kaki) ini mempunyai 37 orang

anak buah. Kapal ini juga membawa 22 orang pelatih yang datang daripada negara-negara Malaysia, Filipina dan Thailand.

Semasa berada di negara ini, pelawat-pelawat tersebut akan dibawa untuk melawat tempat-tempat yang menarik.

Kapal M.V. Paknam telah berada di negara ini selama 4 hari dan telah meninggalkan negara ini pada 12 Oktober lepas untuk meneruskan pelayarannya ke Kuching.

MARILAH kita terus menerus-meningkatkan rasa takwa kepada Allah Taala dengan sebenar-benar takwa, kita junjung titah perintah-Nya dan kita jauhi segala larangan-Nya.

Sesungguhnya hidup di dunia ini tiada lama hadnya bagi umat manusia di akhir zaman ini. Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam telah menerangkan bahawa umur kebanyakan umat Baginda ialah dalam lingkungan enam puluhan sahaja. Yang selebihnya itu mungkin yang lebih pendek dan ada juga yang lebih panjang. Tetapi sepanjang-panjang umur orang zaman sekarang tidak dapat mencapai umur orang-orang zaman silam seperti zaman Nabi Noh Alaihi Salam yang sampai beribu tahun. Paling panjang umur orang zaman sekarang hanya dalam lingkungan seratus tiga puluh atau seratus empat puluh tahun, itupun dalam beratus-ratus juta umat manusia jarang terdapat sampai ber-puluh orang.

Kerana itulah di dalam agama kita, ada larangan supaya kita jangan mengikut hawa nafsu dan jangan terlalu panjang angan-angan. Rasulullah Salallahu Alaihi

Wassalam pernah bersabda yang kira-kira ertinya,

"Sesungguhnya perkara yang paling saya takuti yang akan berlaku kepada kamu ada dua: iaitu mengikut hawa nafsu dan panjang angan-angan. Adapun mengikut

hawa nafsu itu menutup dari kebenaran, dan panjang angan-angan pula menunjukan amat cinta kepada dunia."

Dalam hadis ini Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam bimbang terhadap umat

Baginda akan terjadinya dua perkara yang sangat merbahaya iaitu perbuatan mengikut hawa nafsu dan panjang angan-angan. Perbuatan mengikut hawa nafsu itu akan mendorong seseorang kepada bertindak di luar kebenaran. Perbuatan mengikut hawa nafsu ertinya bercakap atau berbuat sesuatu tidak didasarkan kepada kehendak ugama yang benar. Misalnya, kalau ia mentafsirkan Quran, ia tidak

peraturan-peraturan mengikut kehendak Islam misalnya, ada-ada sahaja

yang diserang penyakit jantung, ada yang diserang darah tinggi dan ada pula yang ditimpa kemalangan jalan raya dan sebagainya.

Kedua-dua bahaya yang mengancam itu wajiblah kita perang dengan cara melatih diri supaya menyesuaikan kehendak-kehendak nafsu kita dengan kehendak ugama, dan janganlah kita terlalu panjangkan angan-angan sehingga kita lalai berbuat amal ibadat dan kerja-kerja yang mendatangkan kebaikan baik di peringkat pekerjaan kita yang rasmi mahupun yang tidak rasmi. Ingatlah akan Allah dan takutlah akan azab-Nya yang disediakan bagi orang yang derhaka.

Jabatan Laut anjur Majlis Taklimat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung di Daerah Brunei-Muara telah menghadiri satu taklimat di Dewan Kuliah Bangunan Peringatan Churchill pagi semalam.


Taklimat tersebut dianjurkan oleh Jabatan Laut Negara Brunei Darussalam untuk menerangkan langkah-langkah melesen kapal-kapal dan juga mengenai Undang-Undang Perkapalan Pedagang 1982.

Satu taklimat yang sama juga akan diadakan pada hari Sabtu, 20 Oktober bertempat di Dewan Pusat Belia mulai jam 9.00 pagi.

Taklimat ini adalah khusus untuk pemilik-pemilik bot bermotor, kapal-kapal dan perahu tambang. Oleh itu pemilik-pemilik bot bermotor, kapal-kapal dan perahu-perahu tambang adalah dipersilakan menghadiri majlis tersebut.

Khuatir kepentingan dunianya akan terjejas:

SANGGUP MELAWAN UGAMA!



Rukuk tanda hormat kepada Allah

SETELAH selesai kita membaca surah, maka kita akan rukuk. Gerakan rukuk adalah salah satu gerakan atau bentuk kedudukan badan yang melambangkan tanda penghormatan, tanda penyerahan atau kepatuhan yang amat tinggi terhadap Allah yang sedang kita sembah. Tunduk rukuk yang menandakan penghormatan dan kepatuhan kita itu disunnatkan pula diisi dengan bacaan tasbeih iaitu pengucapan mengisbatkan sifat-sifat kesempurnaan yakni kemahabihatan kepada Allah dan membersihkan-Nya dari segala cacat cela yang tidak layak dengan zat dan sifat-Nya yang Maha Tinggi, membersihkan Allah Taala dari iktikad syirik dan dari segala anggapan, sangkaan, gambaran dan khayalan, fikiran dan perasaan kita yang bukan-bukan terhadap zat Allah dan sifat-sifat-Nya, dan juga terhadap pentadbiran-Nya yang berada di luar daya pencapaian ilmu pengetahuan dan kudrat manusia.

Di dalam rukuk, kita disunnatkan membaca ungkapan tasbeih: SUBHANA RABIAL 'AZIMI WABIHMDIH, "Maha Suci Tuhanku Yang Maha Besar." Ungkapan-ungkapan tasbeih yang menggagahkan hati Mukmin itu memang amat suci dengan kedudukan rukuk yang tunduk dan menyerahkan segala-segalanya kepada Allah, yang melambangkan patuh dan sedia menjunjung segala perintah Allah di setiap waktu dan di mana-mana saja.

Setelah selesai membaca ungkapan tasbeih, imam menamatkan rukuk dengan membuat gerakan iktidal

Menuju keredaan Allah

atau berdiri lurus, dan ketika kita bangkit meluruskan diri dari rukuk, setiap penyembahyang disunnatkan berkata dengan suara yang nyaring: 'SAMI'ALLAHULIMAN HAMIDAH'. "Allah telah mendengar sesiapa yang memuji-Nya.

Dan ketika berdiri lurus, disunnatkan pula kita mengucap dengan suara yang rendah: 'RABANAA LAKAL HAMDU', "Ya Tuhan kami, segala puji Adalah Untuk-Mu." Secara tidak langsung mengingatkan kita bahawa segala sanjungan dan pujian yang kita ucapkan di dalam berbagai-bagai bacaan sembahyang adalah didengar oleh Allah, dan alangkah janggalnya jika pujian-pujian yang tinggi itu hanya diucapkan di bibir saja sedangkan di hati kita melayang jauh bersama-sama impian, urusan dan kesibukan kehidupan. Pujian yang sebenar harus disertai dengan keinsafan hati murni, dan dengan kesedaran akal dan jiwa agar pujian itu benar-benar layak diucapkan kepada Allah yang sedang mendengar apa yang diucapkan oleh penyembahyang.

Dengan ucapan tasbeih, zikir dan tahmid yang

berlangsung di dalam gerakan rukuk dan iktidal itu, kita mempersembahkan keabadian kita kepada Allah dengan penuh jiwa seolah-olah kita berkata: "Ya Allah Yang Maha Besar dan Maha Sempurna Sifat dan Zat-Nya, Maha Suciilah Engkau dari segala sifat cacat cela yang pernah terlintas dalam akal. Maha Suciilah Engkau dari segala kepercayaan syirik, kepercayaan tahyul dan kepercayaan oleh setengah-setengah manusia terhadap-Mu atau yang pernah dihubungkan oleh syaitan di dalam hatiku, dalam mana detik-detik hidupku. Maha Suci Engkau dari segala rupa bantahan, kritik dan rasa terkilan ataupun rasa tidak puas hati yang pernah dirasa dalam hatiku terhadap-Mu dalam detik-detik menghadapi krisis dan penceroa, dalam detik-detik bergelut dengan bala bencana, bertembung dengan kejatuhan, kegagalan dan kerugian. Engkau telah menentukan qada dan qadar-Mu dengan benar, dengan penuh hikmat dan dengan keadilan dan segala akibat buruk yang menimpa diriku adalah hasil kesalahan dan ketidak telitanku. Maha Suciilah Engkau dari segala sangkaan-sangkaanku yang salah terhadap pentadbiran dan takdir-Mu.

Ya Allah, dengan puji-janku dan sanjunganku yang lahir dari hatiku yang benar-benar insaf dan benar-benar berhubung budi, sesungguhnya Engkau Maha Mendengar dan Maha Mengetahui akan isi hati setiap lidah yang memuji-Mu."

Puncanya tiada lain melainkan panjang angan-angan, dia mahu hidup lebih lama, dia mahu senang sendiri mengikut hawa nafsunya dan dia mahu menikmati kelazatan dunia ini semahu-mahunya.

berpandu kepada kaedah-kaedah dan tafsir-tafsir ulama yang Muktabar, ia mengikut fikiran dan kemahuaannya sendiri semata-mata. Kalau ia dipikulkan amanah, lalu amanah itu dicuakannya, kuasa yang diberikan untuk menjalankan amanah itu disalahgunakannya dan lain-lain lagi contoh mengikut hawa nafsu itu. Pendeknya perbuatan mengikut hawa nafsu itu adalah punca segala kejahatan dan punca segala kerosakan di muka bumi ini. Kerana mengikut hawa nafsulah orang sanggup merompak, menyamun, merogol, mengacau anak isteri, menipu, memeras, menekan satu sama lain, membunuh dan sebagainya. Dan kerana mengikut hawa nafsulah hingga terjadi pertumpahan darah, terjadi peperangan, terjadi perbuatan-perbuatan kejam, terjadi penjajahan oleh satu bangsa yang kuat terhadap satu bangsa yang lemah, dan sebagainya.

Adapun perbuatan panjang angan-angan pula tidak kurang bahayanya. Kerana panjang angan-angan itu menyebabkan hati seseorang lebih cinta kepada dunia. Apabila hati sudah terlampau cinta kepada dunia maka pastilah ia lalai terhadap Allah. Orang yang terlampau cinta kepada dunia pastilah dia tidak hiraukan lagi syarat Allah, yang diikutinya ialah suara hatinya dan kemahuan hawa nafsunya semata-mata. Sebab itulah ada sebahagian orang Islam sendiri apabila hendak diperkuatkan

yang tiada begitu senang hatinya, ada sahaja yang menentang, dan ada-ada sahaja yang mengeluh di dalam hati, sebab khuatir kepentingan dunianya akan terjejas dan kebebasannya membelakangi ugama akan tersekat, lalu keluarlah kata-kata yang melawan ugama: itu haram, ini haram, tiada lain melainkan haram. Puncanya tiada lain melainkan panjang angan-angan, dia mahu hidup lebih lama, dia mahu senang sendiri mengikut hawa nafsunya dan dia mahu menikmati kelazatan dunia ini semahu-mahunya.

Memang banyak sekali yang menyebabkan seseorang itu menjadi panjang angan-angan. Antaranya, selain daripada cintakan dunia dan kelazatan, ialah kebodohan diri sendiri yang menyebabkan dia tidak menjangka bahawa kematian itu boleh datang dengan tiba-tiba. Di sinilah orang selalu jadi keliru hingga membawanya berangan-angan ingin hidup beribu tahun. Padahal sebagaimana yang kita terangkan di awal-awal khutbah itu umur manusia di zaman ini lazimnya hanya dalam lingkungan enam puluh tahun, sedangkan yang lebihnya itu jarang, dan tidak kurang pula yang lebih pendek dari enam puluh itu. Berapa banyak kita dapati orang-orang yang semalam kita temui bergelak ketawa dengan kita, tiba-tiba pada hari ini dia telah kembali menemui Tuhannya, ada

SIKAP POSITIF MESTI ADA

BERAKAS. — Sikap kerja yang positif harus ada pada setiap diri pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan dalam memberi khidmat yang lebih baik kepada masyarakat.

Perkara sikap kerja yang positif ini timbul memandangkan terdapatnya aliran pemikiran masa ini yang cenderung kepada tanggapan bahawasanya kelulusan akademik, dan sijil-sijil kelayakan semata-mata adalah perkara utama yang patut diambil kira.

Menekankan perkara ini di Majlis Penutup Kursus Ulangkaji Kakitangan-Kakitangan Teknikal Jabatan Ukur, Awang Haji Abdul Ghani bin PDPD Haji Abd. Rahim, Pegawai Pentadbir Tingkatan Khas di Jabatan Perjawatan berkata, walaupun kita di negara yang baru merdeka semakin memerlukan kelulusan-kelulusan di dalam berbagai bidang, terutama yang bersangkutan paut dengan teknikal dan kejuruteraan tetapi kita tidak harus melupakan sikap kerja yang positif.

"Tetapi satu faktor yang mustahak di samping kelulusan-kelulusan, diploma-diploma dan juga degree yang

Oleh: Aisah Piee

kita capai, sikap kerja yang positif ini tidak harus kita lupakan begitu sahaja," tegasnya.

Pengertian sikap kerja yang positif, jelas Awang Haji Abd. Ghani, ialah kita sendiri harus memandu diri kita ke arah perkhidmatan yang baik tanpa mengharapkan begitu sahaja, dan sikap ini juga bergantung kepada bagaimana kita sebagai pegawai-pegawai kerajaan menjalankan tugas masing-masing.

Pepatah Arab berkata, 'Ilmu tanpa diamal samalah seperti pokok yang tidak berbuah.' Dalam hubungan ini beliau seterusnya mengingatkan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan supaya menggunakan sepenuhnya oleh-oleh dari kursus, seminar dan conference dalam meningkatkan mutu perkhidmatan mereka dan prestasi kerja.

Berucap ketika merasmikan penutup Kursus Ulangkaji itu, Awang Haji Abdul Ghani mengharapkan agar ianya akan membina semangat dan

kesedaran pegawai-pegawai Jabatan Ukur khasnya dan pegawai-pegawai Jabatan Jabatan Kerajaan umumnya supaya ingin memajukan kerja masing-masing berdasarkan kelulusan dan kursus-kursus yang diikuti untuk meningkatkan prestasi dan mutu perkhidmatan mereka.

Rancang latihan secara terperinci

BERAKAS. — Jabatan Jabatan Kerajaan di negara ini digesa untuk menganalisa kehendak-kehendak latihan dalam jabatan dan kemudiannya merancang dan mengatur secara terperinci rancangan-rancangan latihan dan seterusnya mengimplementasikan rancangan yang diberi.

Ketua Unit Latihan, Awang Jalil bin Haji Abdul Rahman berkata, ini bersesuaian dengan kehendak alam sekeliling yang sentiasa bertambah di mana pentadbiran awam negara ini turut mengalami perubahan, perkembangan dan kemajuan yang pesat yang mewujudkan bebanan tugas dan tanggungjawab yang meluas.

Maka kerana itulah, katanya langkah yang wajar perlu diambil oleh jabatan-jabatan Kerajaan bagi pegawai-pegawai dan kakitangannya supaya perjalanan jentera pentadbiran semakin meningkat kesan dan efisiensinya.

"Saya yakin projek seperti ini akan dapat mengemaskan tenaga manusia di negara ini, yang merupakan satu bidang yang penting yang perlu diselenggarakan dengan cara sistematik dan berkesan," jelas beliau.

Awang Jalil menambah kata, keupayaan tenaga manusia menjadi sesuatu yang penting apabila fungsi dan tanggungjawab bertambah yang berpunca dari pertumbuhan organisasi atau jabatan, yang mana masalah itu akan menjadi berat di



PEGAWAI Pentadbir Tingkatan Khas di Jabatan Perjawatan, Awang Haji Abdul Ghani bin PDPD Haji Abd. Rahim, ketika merasmikan Penutup Kursus Ulangkaji Kakitangan Teknikal Jabatan Ukur.

dalam keadaan ekonomi yang membangun kerana kekurangan kepakaran dan kemahiran.

Bagi menjadikan pentadbiran Kerajaan satu pentadbiran yang cekap, jujur, bersih dan amanah, jelasnya lagi, peranan jabatan-jabatan Kerajaan adalah perlu memainkan peranan masing-masing dengan memberi latihan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan mereka di semua peringkat dalam semua lapangan pentadbiran, pengurusan dan teknikal.

"Untuk memenuhi peranan ini, pihak-pihak yang saya sebutkan tadi perlu menganalisa kehendak-kehendak latihan dalam jabatan, kemudiannya merancang dan mengatur secara terperinci rancangan-

rancangan latihan dan seterusnya mengimplementasikan rancangan-rancangan yang diberi."

Dalam perkara memberikan rancangan latihan kepada para pegawai dan kakitangannya, Unit Latihan Jabatan Perjawatan memainkan peranan yang lebih positif dari segi kewangan, peminjaman alat-alat dan lain-lain kemudahan.

Berucap di Majlis Penutup Kursus Ulangkaji bagi kakitangan Teknikal Jabatan Ukur, Awang Jalil memberitahu bahawa Unit Latihan juga berhasrat sebagai pusat sumber atau resource centre bagi kegunaan semua jabatan-jabatan Kerajaan, yang akan menyediakan kemudahan-kemudahan.



SALAH seorang peserta Kursus Ukur Kadastra menerima sijil dari Awang Haji Abd Ghani.



KELIHATAN sebahagian dari kakitangan yang telah mengikuti kursus dan menerima sijil mereka.

Sijil bukan jaminan untuk naik pangkat

BERAKAS. — Pemangku Juruukur Agung, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Kahar mengingatkan supaya jangan timbul sebarang anggap di kalangan kakitangan, bahawa dengan mengikuti kursus dan penerimaan sijil, ianya akan dijadikan alasan atau sijil untuk jaminan kenaikan pangkat, naik gaji dan sebagainya.

Tetapi, katanya, jika dedikasi dan tahu menggunakan ilmu yang diberi, ianya sebaliknya akan memberikan peluang kepada mereka untuk maju dan meningkatkan kedudukan kepada tingkatan atau taraf yang lebih baik.

"Di dalam usaha-usaha untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan tahap kecekapan dan kemahiran kerja adalah diharapkan supaya setiap pegawai dan kakitangan jabatan akan dapat mengamalkan apa jua pelajaran dan pengetahuan yang diperolehi dalam tempoh mengikuti kursus, bagi memperbaiki dan menghalusi mutu kerja masing-masing, di samping menguasai apa jua kelemahan yang selama ini menjadi penghalang untuk mencapai mutu perkhidmatan yang seimbang dengan jawatan masing-masing," tegas beliau.

Mengingatkan demikian di Majlis Perasmian Penutup Kursus Ulangkaji bagi kakitangan-kakitangan Teknikal Jabatan Ukur di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanah Bolhik di sini baru-baru ini, beliau seterusnya menggesa kakitangan-kakitangan jabatan itu mengikis langgis sikap dingin dan bertentangan yang disertai dengan perasaan ingin mencair apa jua peraturan yang dibuat dan ditetapkan.

"Fikiran yang sihat dan waras wajarlah kita amalkan di dalam apa jua tindak-tanduk kita terhadap apa jua peraturan yang dibuat oleh jabatan dan yang ditetapkan oleh kerajaan," tambahnya lagi.

Menyentuh tentang kursus tersebut, Awang Haji Abdul Rahman berkata ianya berjaya memberikan gambaran yang ringkas kepada kakitangan-kakitangannya mengenai profesion ukur yang meliputi bidang yang luas, yang bukan sahaja setakat menanam batu sempadan atau menyediakan geran-geran tanah, seperti yang dianggap selama ini.

Beliau menambah kata, adalah menjadi matlamat jabatan itu untuk menghantar mana-mana pegawai dan kakitangan yang berkecayaan untuk mengikuti kursus-kursus yang berkaitan dengan jabatan itu sama ada di dalam negeri atau di seberang laut.

Turut memberikan ucapan di majlis hari itu ialah Pengerusi Majlis, Pengiran Matusin bin Pengiran Haji Matasan, dan wakil peserta kursus, Awang Haji Japar bin Dato Setiawan Haji Tinggal.

Kursus bagi kakitangan-kakitangan teknikal jabatan itu telah berjalan selama lapan bulan bermula pertengahan Januari lalu. Seramai 23 orang kakitangan mengikuti Kursus Ukur Kadastra, enam orang mengikuti Kursus Ukur Kawal, 35 orang ikuti kursus Ukur Am, dan 21 orang mengikuti Kursus Ukur Asas.



Awang Ali



Dk Norakmar

Dua pegawai DBP berkursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia baru-baru ini telah menghantar dua lagi pegawai-pegawai dari Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka bagi mengikuti kursus di seberang laut.

Mereka ialah Penolong Kanan Ketua Perpustakaan, Awang Ali bin Haji Kayum mengikuti kursus Master of Library Studies di Universiti Teknologi Loughborough selama lebih kurang dua tahun, di bawah Skim Cuti

Belajar.

Sementara Dk Norakmar bte Pg Mohammad, Penyemak di jabatan yang sama akan mengikuti kursus Diploma dalam 'Publishing Production' di London College of Printing, Elephant and Castle, London selama lebih kurang setahun di bawah Skim Cuti Tidak Bergaji.

Kedua-kedua pegawai tersebut telah pun memulakan kursus mereka dalam bulan September lepas.

Keluaran setem khas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos akan mengeluarkan satu set setem khas berserta dengan sampul surat Hari Pertama mengenai Philakorea 1984.

Setem-setem, berharga 10 sen, 75 sen dan \$2.00 akan di jual di semua Pejabat Pos di

seluruh negara pada 22 Oktober, 1984.

Sampul-sampul surat Hari Pertama tanpa setem berharga 45 sen sekeping telah pun mula dijual di semua Pejabat Pos pada hari Isnin 15 Oktober.

PENDAHULUAN

Brunei Darussalam telah diterima menjadi negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam iaitu The Organisation of the Islamic Conference (OIC) pada 15 Januari 1984 iaitu negara anggota yang ke-45 pertubuhan tersebut.

Malaysia telah mengusulkan kemasukan Brunei Darussalam ke dalam OIC ini dalam sidang pleno Menteri Luar Negara-Negara Islam sejurus sebelum berlangsungnya sidang kemuncak kali ke-4 OIC di Casablanca.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat ke Casablanca, Maghribi untuk menghadiri Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara Islam kali ke-4 tersebut.

PENUBUHAN OIC

Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ini ditubuhkan pada musim bunga tahun 1969 iaitu sejurus setelah Sidang Kemuncak Negara-Negara Islam yang pertama diadakan di Rabat.

Sidang Kemuncak Negara-Negara Islam yang pertama itu dihadiri oleh sejumlah besar ketua-ketua negara Islam dan ketua-ketua kerajaan negara-negara Islam yang antara lainnya telah membincangkan pelbagai masalah mengenai dengan perpaduan Islam. Berdasarkan kepada perpaduan umat Islam inilah pertubuhan ini diwujudkan di Rabat.

KEANGGOTAAN OIC

Negara anggota OIC ini adalah keseluruhannya terdiri daripada negara-negara Islam yang berselirak di rantau dunia ini. Pada tahun 1969, OIC hanya mempunyai 28 buah negara anggota tetapi hingga ke hari ini OIC telah mempunyai 45 buah negara anggota.

Negara anggota OIC terdiri daripada Afghanistan, Algeria, Bahrain, Bangladesh, Cameroun, Chad, Comoro, Djibouti, Mesir, Gabon, Gambia, Guinea, Guinea-Bissau, Indonesia, Iran, Iraq, Jordan, Kuwait, Lebanon, Malaysia, Libya, Maldives, Mali, Mauritania, Morocco, Niger, Oman, Pakistan, Palestine, Qatar, Saudi Arabia, Senegal, Sierra Leone, Somalia, Sudan, Syria, Tunisia, Turkey, Uganda, United Arab Emirates, Upper Volta, Ivory Coast, Yemen Arab Republic, Yemen People Democratic Republic dan Brunei Darussalam.

PENGANTUNGAN KEANGGOTAAN

Mesir pernah digantung keanggotaannya dalam OIC tetapi Sidang Kemuncak Ketua Negara Islam kali ke-4 telah menerima kembali Mesir ke pertubuhan ini.

Keanggotaan negara Afghanistan masih lagi digantung disebabkan oleh kekacauan politik yang berlaku di negara tersebut lagipun negara itu masih lagi diduduki oleh tentera asing yang bercanggah dengan perpaduan umat Islam.

Jadi, setakat ini hanya sebuah negara sahaja yang digantung keanggotaannya iaitu Afghanistan.

TUJUAN OIC DITUBUHKAN

Matlamat utama OIC ditubuhkan ialah menyelaraskan tingkat kerjasama serta kemajuan di kalangan negara-negara Islam di dunia ini yang mempunyai pegangan kepercayaan yang sama.

Di samping itu OIC juga berusaha untuk meningkatkan perpaduan umat Islam dalam menentang pengaruh Zionis terhadap Palestin dan rakyatnya, serta pencerobohan Zionis terhadap Masjid Al-Aqsa di Palestin pada tahun 1969.

BUKAN UNTUK MENYAINGI PERTUBUHAN LAIN

Penubuhan OIC tidak bermaksud untuk menyaingi pertubuhan lain seperti Liga Arab atau lain-lain pertubuhan yang dianggotai oleh

negara-negara Islam sahaja, yang kebanyakan orang mempunyai fahaman begitu, kerana OIC lebih luas dan menyeluruh keanggotaannya dari benua Afrika Barat hingga ke benua Tenggara Asia. Merangkumi seluruh masyarakat Islam di dunia ini.

OIC juga bukan merupakan suatu blok yang mahu menarik perhatian sedunia dengan mengambil kira tentang kekuasaan politik di maya sejagat ini. Bukan itu tujuan penubuhannya.

BADAN-BADAN UTAMA OIC

OIC mempunyai tiga buah badan utama yang terdiri daripada Persidangan Raja-Raja dan Ketua Negara dan Ketua Pemerintah Negara Islam — iaitu apa yang dipanggil sebagai Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara Islam.

Kedua ialah Sidang Kemuncak Para Menteri-Menteri Luar Negara-Negara Islam.

Ketiga, Pejabat Sekretariat dan pertubuhan sampingan.

Selain daripada itu OIC telah mengambil ketetapan secara sebulat suara untuk menubuhkan Mahkamah Keadilan Islam Antarabangsa yang merupakan tambahan kepada tiga buah badan utama yang disebutkan di atas itu.

JAWATANKUASA KHAS

Bagi melicinkan jentera pentadbiran OIC ini beberapa buah jawatankuasa khas telah dibentuk seperti Jawatankuasa Al-Quds (Baitul Maqdis) Jawatankuasa Tetap Kewangan; Suruhanjaya Islam Bagi Ekonomi, Kebudayaan dan Kebajikan Sosial; Jawatankuasa Ekonomi Kerjasama Perdagangan; dan Jawatankuasa Penerangan dan Kebudayaan.

Jawatankuasa-jawatankuasa ini sentiasa bersidang demi melancarkan kegiatan masing-masing.

PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BERSEKUTU DENGAN OIC

OIC juga mempunyai pertubuhan-pertubuhan

bersekutu bagi melaksanakan matlamatnya. Dalam hal ini beberapa buah pertubuhan telah bersekutu dengan OIC.

Pertubuhan-pertubuhan yang bersekutu dengan OIC itu ialah sebanyak empat buah pertubuhan. Pertama, Bank Pembangunan Islam. Kedua, Agency Berita Islam Antarabangsa. Ketiga, Pertubuhan Penerangan Bagi Negara-Negara Islam dan keempat, Akademik Ilmu Hukum Islam.

Kesimpulannya, badan-badan utama diperbantukan dengan jawatankuasa khas serta pertubuhan-pertubuhan bersekutu dengan OIC itulah yang menggambarkan tentang struktur pertubuhan OIC itu.

KEPENTINGAN OIC

Kepercayaan OIC hendaknya tidak diukur dari keterlibatan negara-negara Islam yang menjadi anggotanya, atau dari kegiatan-kegiatan yang telah dijalankan baik oleh badan-badan utamanya, mahupun oleh jawatankuasa khasnya ataupun oleh pertubuhan-pertubuhan yang bersekutu dengannya.

Perkara yang afidhal perlu dilihat ialah falsafah pertubuhan itu sendiri yang mementingkan kerjasama berasaskan kepada perpaduan umat Islam itu.

KERJASAMA OIC

Selanjutnya kepentingan OIC haruslah dilihat dari sudut kerjasama yang dijalin oleh negara-negara anggota dalam semua aspek yang bersifat dua hala. Atau kerjasama yang dilakukan secara horizontal, sebagai misal, perhubungan antara OIC dengan mana-mana pertubuhan antarabangsa, ataupun pertubuhan yang bersifat serantau.

KERJASAMA OIC DENGAN PBB

Kerjasama yang patut dibanggakan oleh OIC ialah hubungan secara horizontal antara OIC dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Kerjasama ini berjalan lancar di bawah Perjanjian Kerjasama antara OIC dengan PBB yang mana segala perkembangan politik antarabangsa sentiasa dimaklumkan kepada OIC untuk meminta buah fikiran dari pertubuhan ini.

Sebagai misal, perwakilan OIC dan Liga Arab telah diajak berunding bersama dengan PBB dengan memberi penekanan kepada PBB agar diusahakan rencana perdamaian di Timur Tengah yang diberi keutamaan kepada pengembalian hak bangsa Palestin di bumi Palestin sendiri.

Dengan cara ini OIC sekali gus bertindak sebagai suara tengah di antara negara anggotanya dengan negara yang bukan anggota melalui PBB. Jelas, kerjasama yang diperlihatkan oleh OIC itu lebih meluas bukan setakat negara anggotanya sahaja malah dikembangkan juga kepada negara bukan anggotanya.

OIC bertindak untuk mencari perdamaian bersama, dan bersimpati dengan rakyat yang sedang memperjuangkan kebebasannya di mana saja terutama bagi rakyat Islam yang ditindas oleh kuasa asing yang lain yang mencerooboh sesebuah negara yang berdaulat. Di samping itu kerjasama OIC diperkembangkan bagi meningkatkan pembaharuan ekonomi antarabangsa.

KERJASAMA OIC DENGAN MASYARAKAT KRISTIAN MELALUI VATICAN

Hubungan antara masyarakat Islam antarabangsa dengan masyarakat Kristian antarabangsa juga dijalin oleh OIC melalui Vatican di Rome. Di samping itu OIC juga membuat hubungan dengan lain-lain Gereja Kristian berpandukan kepada Dialog Islam Kristian.

Hubungan ini dilakukan semata-mata untuk mencari batas pemahaman antara dua pihak yang berlainan

pegangan kepercayaan bagi kedua belah pihak memperoleh manfaat demi kepentingan bersama.

Melalui dialog itu umat Islam dapat melihat dirinya atas dasar rasa keislaman sejagat yang dijelmakan menerusi ajaran Islam sebenar. Deklarasi Sidang Islam Kemuncak ke-3 jelas menyeru semua negara Islam untuk bersatu sesama sendiri, dan menyeru kepada negara-negara lain di dunia ini untuk membentuk penghidupan yang lebih baik semata-mata untuk kepentingan kemanusiaan itu sendiri, sebuah dunia yang aman sejahtera yang dinikmati bersama oleh semua umat manusia.

PERANG DINGIN SESAMA NEGARA ANGGOTA

Dengan adanya OIC perang dingin antara sesama negara anggota dapat diredakan, atau paling tidak OIC telah menghalang negara anggota itu berperang secara terbuka.

Peperangan sesama negara anggota hanya menguntungkan pihak lain yang ingin melihat perselisihan sesama umat Islam berterusan.

PERANG SESAMA NEGARA ANGGOTA

OIC begitu mengambil berat terhadap peperangan yang berterusan antara Iraq dan Iran ini. Ini bukan lagi merupakan perang dingin tetapi adalah peperangan yang sudah memakan korban beratus-ratus ribu jiwa dan menelan bilion ringgit. OIC berusaha mencari jalan tengah bagi mendamaikan kedua buah negara anggota yang hanya dipisahkan oleh garis sempadan bersama. OIC membentuk satu Jawatankuasa Perdamaian Islam yang telahpun merangka beberapa formula bagi dapat diterima oleh kedua belah pihak yang sedang bersengketa itu.

KEYAKINAN OIC KEPADA DUNIA KETIGA

OIC berkeyakinan bahawa blok Dunia Ketiga akan dapat mengembelikan tenaga bagi mewujudkan perdamaian dunia. Perpaduan dalam kerjasama yang dihidulurkan oleh OIC dengan negara Dunia Ketiga juga dapat memberi sumbangan persefahaman ke arah perpaduan umat Islam sejagat.

Menyadari hal ini makanya OIC berusaha untuk meningkatkan kesedaran berkerjasama di kalangan negara anggotanya terutama dalam bidang ekonomi dan kebudayaan. Untuk ini ditubuhkan beberapa buah jawatankuasa khas bagi mengembangkan bidang-bidang yang hendak diteroka bersama. Hal ini akan dapat berjalan lancar dengan adanya kerjasama dari negara Dunia Ketiga.

KERJASAMA OIC DENGAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN KHAS PBB

PBB yang mempunyai pertubuhan-pertubuhan khasnya itu juga sering memberi kerjasama dengan PBB. Dalam hal ini OIC secara langsung telah membuat hubungan kerjasama dengan pertubuhan-

pertubuhan khas PBB seperti UNESCO dan FAO dengan pemikiran agar segala perkembangan dalam bidang-bidang yang diusahakan akan dapat diseragamkan walaupun tidak dapat diubahsuai demi kepentingan bersama.

KERJASAMA OIC DENGAN PERGERAKAN BLOK NEGARA BERKECUALI

Pergerakan Blok Negara Berkecuali yang memperjuangkan suatu kawasan bebas dari nuklear dan rebutan antara dua buah negara kuasa besar terhadap kepentingan politik antarabangsa tidak berseorangan dalam hal ini kerana OIC juga memberi kerjasama yang rapat kepada Pergerakan Blok Negara Berkecuali.


Sesuai dengan matlamatnya yang cintakan keamanan serta perdamaian maka OIC sendipadap dengan Pergerakan Blok Negara Berkecuali yang menyeru segala pertikaian dihentikan secara aman, agar manusia kembali kepada pegangan kepercayaan masing-masing dengan pemikiran segala perasaan hasad-dengki dan ingin berkuasa dapat dibendung.

DEKLARASI SIDANG KEMUNCAM KETUA-KETUA NEGARA ISLAM KALI KE-3

Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara Islam Kali Ke-3 telah mengeluarkan suatu deklarasi bersama yang dipanggil sebagai Deklarasi Makkah yang menggariskan:

- Kami menguatkan keazaman yang tidak kendur-kendurnya untuk menentang rampasan bersenjata golongan Zionis ke atas tanah Arab dan wilayah-wilayahnya. Juga akan mencegah segala putar-belit golongan Zionis berkaitan dengan hal ini.
- Kami menyeru agar persengketaan diselesaikan secara aman, agar hubungan dijalin secara membina, dan keupayaan tenaga manusia dipergunakan demi kepentingan kemanusiaan, bukan di buang membazir dengan cara perlumbaan bagi mendapatkan sebanyak-banyaknya alat peperangan yang semuanya hanya membawa kemusnahan.
- Mengisytiharkan dengan tegas untuk membentasi kemiskinan dengan cara memperkukuhkan kerjasama ekonomi atas dasar saling bantu membantu, dan mempergunakan hasil masukul untuk meningkatkan kemajuan taraf hidup umat Islam.
- Menyeru kepada umat Islam agar berpegangteguh kepada ajaran-ajaran dan nilai-nilai kebudayaan Islam di samping bersatu padu dalam menghadapi cabaran-cabaran dari mana-mana golongan penentang pertubuhan ini semata-mata untuk mencapai kekuatan, kemuliaan dan kemakmuran.

sudut Royal Brunei



AWANGKU Metussin bin Pengiran Haji Damit dan Awang Paul Lai mendengar penerangan mengenai kerja-kerja jurutera dari Awang Tony Griffith, Ketua Pemerlihaan Jurutera.

Dua lagi pelatih jurutera ikuti kursus di U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang lagi pelatih kejuruteraan Diraja Brunei kini mengikuti kursus di United Kingdom.

Mereka ialah Ak. Metussin bin Pengiran Haji Damit dan Paul Lai, kedua-duanya bekas penuntut Pusat Tingkatan Enam, Gadong.

Kedua-dua pelatih tersebut mengikuti kursus di Britainia Airways, Luton selama 4½ tahun di bawah skim latihan yang dibiayai oleh Kerajaan Kewah Duli Yang Maha Mulia.

Sebelum dihantar mengikuti latihan, Ak. Metussin dan Awang Paul Lai ditempatkan dengan Diraja Brunei selama 5 bulan untuk mendapatkan pengalaman praktikal.

Setakat ini RBA telah menghantar seramai 21 orang pelatih, di mana lapan orang daripadanya telah menamatkan latihan mereka dengan jayanya. Enam orang dari mereka sekarang ber-

tugas dengan syarikat ini sebagai jurutera berlesen, dua lagi dihantar ke New Zealand untuk mendapatkan latihan lanjut sementara 13 orang lagi masih mengikuti kursus di Luton.

Hidangan baru RBA

SYARIKAT Penerbangan Diraja Brunei telah mengubah cara hidangan makanan yang baru untuk menu.

Pengurus Perkhidmatan Pelanggan, Awang Yahya Cheman, Pegawai Perkhidmatan Pemasaran, Awang Sulaiman Kani, Awang Alphonsus Liew dan Awang Zaini Kamis wakil dari Diraja Brunei sementara dari Dairy

Farm diwakili oleh tukang-tukang masaknyanya untuk memastikan dan merasa makanan dan diubah jika perlu.

Selepas pemeriksaan dan apabila mana-mana perubahan makanan sudah dibuat hidangan itu digambar supaya apa yang dihidangkan dalam bulan yang akan datang sama seperti apa yang dipesankan.

AK KAMARULZAMAN BERLATIH KENDALI BOEING 737

AWANGKU Kamarulzaman bin Pengiran Salleh telah berlepas pada 25 September untuk mengikuti kursus 'Written Type Rating' untuk mengendalikan Boeing 737 dan beliau akan ditempatkan dengan Britannian Airways di Luton selama empat minggu.

Kursus pengendalian udara

SERAMAI enam orang peserta dari Syarikat Penerbangan Diraja Brunei yang terdiri daripada Pengurus-pengurus peringkat pengurusan, telah mengikuti kursus Pengangkutan Udara anjuran Orient Airlines Association (OAA) selama dua minggu.

Mereka terdiri dari Nelson Chong, George Tan, Pg. Tengah Pg. Hj. Metasan, Zainoon Hj. Elias, Pg. Ibrahim Pg. Jadid dan Young Suit Leng.

Kursus tersebut bertujuan untuk meluaskan lagi pengetahuan dan pemahaman peserta mengenai perkara-perkara sosial, ekonomi, politik, dengan mana-mana Syarikat Pengangkutan Udara.

Selain daripada itu ianya juga bertujuan untuk memberikan kemahiran dan penganalisaan dengan mana-mana pengurus Syarikat Penerbangan serta menanamkan pengetahuan, pengalaman para peserta dalam memberikan khidmat kepada Syarikat Penerbangan.

Orient Airlines Association (OAA) menganjurkan kursus yang pertama di Davo, Filipina pada tahun 1968. Pada tahun 1970 telah diadakan di Singapura, manakala dalam tahun 1971 pula diadakan di Kampus Institute of Management di Makati Metro, Manila.

Lepas itu beliau akan membuat latihan penerbangan penyesuaian untuk mengendalikan Boeing 737 di Kuala Lumpur dan akan memulakan tugas beliau dengan Diraja Brunei sebaik-baik sahaja tamat kursus tersebut.

Beliau telah mendapat pendidikan asas di Sekolah Melayu Anggerik Desa, Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait dari tahun 1977 hingga 1979. Selepas itu beliau melanjutkan pelajaran dalam bidang elektronik dan beliau diterima menjadi pelatih jurutera Diraja Brunei pada tahun 1981.

Beliau telah dihantar ke Christchurch, New Zealand dan ditempatkan di Ground School, untuk menjalani latihan penerbangan dan latihan penyesuaian dari British Licence ke New Zealand Licence. Kursus itu mengambil masa selama tiga bulan, dan lepas itu beliau dihantar ke Auckland. Di sana beliau ditugaskan sebagai anggota Air New Zealand sehingga 31 Ogos 1984.

Di Auckland beliau tinggal bersama-sama penuntut-penuntut Malaysia yang menuntut di Universiti di sana. Semasa menjadi anggota Air New Zealand beliau telah ditugaskan untuk mengendalikan pesawat Fokker Friendship 27s bagi penerbangan dalam negeri.

Di sinilah beliau berlatih mengubah suai pengendalian kapal terbang kecil dan di New Zealand beliau ditugaskan untuk mengendalikan kapal terbang besar. Perubahan ini menimbulkan sedikit masalah seperti pengawalan dan pengendalian pesawat.

Menurut beliau, "perbezaan di antara kapal terbang kecil dan kapal terbang besar memanglah banyak, dan lagi latihan di New Zealand itu adalah untuk memandu kapal terbang penumpang biasa

sambil berlatih dan mendapat pengalaman."

Di sana beliau telah banyak dapat pengalaman tentang cuaca, kerana cuaca di sana berubah-ubah dari ribut taufan hingga kepada keadaan kabus tebal.

Semasa dalam penerbangan, jelas beliau, "Seorang mestilah teguh berdisiplin dan cekap mengatasi sebarang masalah untuk menjadi seorang jurutera yang baik."

Beliau berasa beruntung kerana dapat mengikuti kursus selama hampir dua tahun di New Zealand. Bagi beliau semua latihan yang beliau ikuti akan dapat memberikan faedah yang besar kepada beliau.

Awangku Kamarulzaman bercita-cita untuk menjadi seorang jurutera yang berkelayakan tinggi, iaitu untuk meningkat menjadi seorang kapten atau Jurutera Penguasa sebuah kapal terbang.

Penerbangan RBA kedua ke Darwin

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penerbangan minggu kedua Diraja Brunei ke Darwin telah dimulakan awal bulan ini.

Dalam penerbangan pertama hujung minggu itu membawa rombongan pegawai-pegawai kanan Diraja Brunei yang diketuai oleh Pengurus Perdagangannya, Pg. Ali bin Pg. Haji Ahmad.

Perkhidmatan perkhidmatan penerbangan kedua itu akan membaiki jadual penerbangan RBA ke negara-negara ASEAN dan Hong Kong.

Semasa berada di Darwin, syarikat itu telah mengadakan satu jamuan untuk wakil-wakil penerbangan dan akhbar.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 17 hingga 23 Oktober 1984

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Serasa	17.10.1984	Rabu	10.00-10.30 pagi
Sekolah Melayu Mentiri	17.10.1984	Rabu	10.45-11.15 ..
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	17.10.1984	Rabu	11.30-12.00 t/hari
Sekolah Melayu Lumut dan Sekolah Melayu Sungai Liang	18.10.1984	Khamis	10.00-11.00 pagi
Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah	18.10.1984	Khamis	2.30- 3.30 petang
Sekolah Melayu A. Haji Mohd Yusoff Katimahar	20.10.1984	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Penjara Jerudong	20.10.1984	Sabtu	9.45-10.45 ..
Sekolah Melayu Mulaut	20.10.1984	Sabtu	11.00-12.00 t/hari
Sekolah Melayu Birau	20.10.1984	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Melayu Kiudang	20.10.1984	Sabtu	2.45- 3.45 ..
Sekolah Melayu Lamunin	20.10.1984	Sabtu	4.00- 5.00 ..
Sekolah Melayu Haji Mohd Salleh Sungai Hancing	22.10.1984	Isnin	8.45- 9.45 pagi
Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan	22.10.1984	Isnin	1.45- 2.45 petang
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah)	23.10.1984	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Melayu Anggerik Desa, Berakas	23.10.1984	Selasa	10.30-11.30 ..
Sekolah Ugama Haji Mohd Jaafar, Kampung Kinlap	23.10.1984	Selasa	2.45- 3.15 petang
Sekolah Ugama Kampong Mata-Mata, Gadong	23.10.1984	Selasa	3.30- 4.00 ..
Sekolah Persediaan Inggeris Sengkuring.	23.10.1984	Selasa	4.30- 5.30 ..



PENGURUS Perdagangan, Pengiran Ali ketika memberikan ucapan di Darwin.

Tarikh terakhir mengirim surat dan bungkusan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos menetapkan tarikh terakhir bagi mengirim surat dan bungkusan melalui udara semasa musim Krismas tahun ini.

Surat dan bungkusan yang dihantar melalui udara ke Singapura, Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak hendaklah dikirimkan selewat-lewatnya 12 Disember 1984.

Bagi bungkusan dan surat ke Hong Kong, Macau dan lain-lain tempat di Asia hendaklah dikirimkan selewat-lewatnya 17 Disember 1984.

Orang ramai yang mengirimi surat dan bungkusan mereka ke Great Britain, lain-lain tempat di Eropah, Afrika, Australia, New Zealand dan kumpulan

Pasific hendaklah dikirimkan tidak lewat dari 9 Disember 1984.

Manakala surat dan bungkusan yang hendak dikirimkan ke Amerika Utara dan negeri-negeri dalam Amerika, selewat-lewatnya 5 Disember 1984.

Untuk kemudahan orang ramai bahawa jabatan ini mengadakan Perkhidmatan Mel Udara Tanggahan Khas untuk mel-mel ke Great Britain dengan kadar yang rendah iaitu mengandungi surat dan bungkusan dengan had berat 2 kg.

Sementara semua surat-surat ke Singapura dan Malaysia yang dikenakan kadar mel laut akan dikendalikan dengan perkhidmatan udara.

Pegawai Pemerintah ABDB lawat Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Brigedier Jeneral Dato J.W.P. Friedberger dan Datin, telah mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan, baru-baru ini.

Dato dan Datin Friedberger dalam lawatannya itu tertarik melihat bahagian Foto Khanah dan melihat gambar-gambar di dalam Bilik Taklimat Penerangan, dan diberikan taklimat berhubung dengan kegiatan-kegiatan dan penyimpanan negative di Foto Khanah.

Dalam suratnya kepada Pengarah Penerangan, baru-baru ini, Dato dan Datin telah menyatakan terima kasihnya di atas layanan dan hadiah (sekeping gambar sedia dengan frem) mengabdikan Brigedier Jeneral Dato Friedberger, menerima Bintang Kebesaran yang membawa gelaran Dato, sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kali ke-38 tahun 1984 ini.



GAMBAR menunjukkan Dato Friedberger sedang menerima hadiah cenderamata dari Pengarah Penerangan, Ustaz Haji Badaruddin bin Pengarah H. Othman sementara gambar yang satu lagi menunjukkan Datin diberikan penerangan dalam Bilik Taklimat Penerangan oleh Pg. Haji Mohd. Yusof.



TIMBANG RASA DAN WASPADA DI JALAN RAYA

Oleh: Haniza Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN.

— "Bertimbang Rasa Dan Berwaspada Di Jalan Raya, saya rasa adalah satu tema yang sangat tepat untuk menyedarkan semua pengguna-pengguna jalan raya ke arah sikap bertimbang rasa dan berwaspada dengan tidak mementingkan diri sendiri dan sentiasa pula menghormati peraturan jalan raya," kata Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Pengarah Pelajaran ketika merasmikan Peraduan Melukis Poster Keselamatan Jalan Raya yang bertempat di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka hari Sabtu lepas.

Seterusnya beliau menambah bahawa dengan selarasnya perkembangan dan kemajuan yang sedang kita nikmati sekarang kita tidak terlepas dari menghadapi kesan dari perkembangan tersebut, di mana bilangan kenderaan di jalan raya sekarang semakin bertambah, bilangan kemalangan semakin meningkat dan tidak kurang pula bertambahnya angka kematian, perkara sedemikian ini tidak seharusnya dibiarkan begitu sahaja.

"Dengan bilangan penduduk kita yang kecil ini, dan menimbulkan dari segi keanggotaan majlis ini, kita menaruh sepenuhnya keyakinan, bahawa apa jua bidang usaha yang akan diteroka oleh Jawatankuasa Keselamatan Jalan Raya ini insya-Allah akan mendatangkan manfaat kepada kita semua."

Dalam hubungan ini tambah beliau, kita seharusnya berbangga dengan inisiatif yang diambil oleh jawatankuasa ini dalam usaha mereka memperbaiki keadaan yang ada sekarang.

Pada menuju ke arah matlamat ini beliau mengharap agar ianya tidak hanya terhenti di pameran ini sahaja tetapi hendaklah 'message' ini disampaikan kepada semua golongan masyarakat dengan cara mencari satu pendekatan yang lebih berkesan lagi terutama sekali menyalurkan melalui media massa agar semua pengguna jalan raya akan sentiasa mengamalkan sikap tersebut.

Dalam majlis yang sama Awang Muhammad bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa berkenaan, antara lain beliau mengharap agar adanya kempen seperti Peraduan Melukis Poster ini akan dapat sedikit-tidaknya memberikan peringatan dan kesedaran kepada pengguna-pengguna jalan raya supaya sentiasa berjaga-jaga dan berwaspada terhadap bahaya dan mematuhi undang-undang jalan raya di mana menurut beliau perkara ini secara umum penting kepada kita semua.

Peraduan Melukis Poster itu terbahagi kepada lima

bahagian di mana bahagian 'A' iaitu bagi penuntut-penuntut Sekolah Rendah, pertama dimenangi oleh Awang Roslan bin Hashim, kedua Awang Puasa bin Ahmad dan ketiga Awang Haji Jupri bin Salleh, ketiga-tiganya ialah dari Sekolah Melayu SUAS Muara.

Bahagian 'B' bagi penuntut-penuntut Sekolah Menengah Rendah pertama dimenangi oleh Awang Abidin bin Abd Rashid, kedua ialah Awang Ajihis bin Haji Tawarih kedua-duanya dari Sekolah Menengah Sungai Kebun dan tempat ketiga Awang Abd Rahman bin Mat Zain dari Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah.

Manakala bahagian 'C' bagi penuntut-penuntut Sekolah Menengah Atas pertama dimenangi oleh Awang Zafri bin Md Said, kedua ialah Awang Saman bin Haji Ismail kedua-duanya dari Sekolah Menengah Sungai Kebun dan tempat ketiga Awang Hambali bin Abu Bakar dari Sekolah Inggeris Berakas.

Dalam bahagian 'D' iaitu orang ramai 21 tahun ke bawah dan hanya hadiah ketiga dimenangi oleh Awang Ghani bin Lakim dari Kampong Jangsak Kilanas.

Sementara bahagian 'E' bagi orang ramai 21 tahun ke

atas tempat pertama ialah Awang Nor Ariffin Md Yassin dari Jabatan Adat Istiadat Negara, tempat kedua ialah Pengiran Abd Ghani bin Pengiran Apong dari Radio dan Televisyen dan ketiga ialah Awang Ahmad bin Haji Tusin dari Sekolah Rendah Pengkalen Batu, Brunei.

Peraduan ini merupakan salah satu kempen Majlis Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam di bawah anjuran majlis yang sama yang dikendalikan oleh Jabatan Pelajaran Negara Brunei Darussalam.

PEMBETULAN

TERDAPAT beberapa kesilapan dalam berita di bawah tajuk 'Pusat Perbekalan Kerjasama Akan Ditubuhkan' yang disiarkan dalam akhbar ini keluaran 3 Oktober yang lalu.

Dalam paragraf pertama yang sebenarnya Pusat Perbekalan Kerjasama sudah pun ditubuhkan. Apa yang tidak lama lagi ialah tentang 'operational'nya ataupun menjalankan perniagaannya.

Paragraf enam pula hendaklah dibaca seperti berikut: "Penyertaan bumiputera terhadap 30% equity syarikat Pedagang Kereta ini sama ada melalui orang peserongan ataupun syarikat-syarikat kerjasama yang dimiliki sepenuhnya oleh bumiputera hendaklah dilaksanakan selewat-lewatnya akhir tahun 1985."

Paragraf ke-8 pula hendaklah dibaca seperti berikut: "Keramaian ahli sebanyak 126 orang terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan mempunyai pendapatan yang tetap dan yang demikian kuasa pembeli (Purchasing Power) yang kuat."

Atas kesilapan itu kami memohon maaf. — Penyunting.

LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE PUSAT SEJARAH

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Seramai 20 orang ahli-ahli Persatuan Bahasa Inggeris dari Sekolah Menengah Sungai Kebun telah mengadakan lawatan singkat sambil belajar baru-baru ini ke Pejabat Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Rombongan itu yang diketuai oleh Dayang Susie Thane telah diberi penerangan ringkas oleh Ketua Pengarah Pusat Sejarah, Awang Muhammad bin Abd Latif, berhubung dengan fungsi dan struktur jabatan tersebut. Dalam taklimatnya, beliau memberitahu tujuan penubuhan Pusat Sejarah antara lain untuk menyelidik dan menyusun Susur-Galur Keluarga Diraja dan Sejarah Sultan-Sultan Brunei untuk diketahui oleh segenap lapisan masyarakat dan juga memperkenalkan kemasyhuran Brunei di mata dunia umumnya.

Setakat ini katanya, Pusat Sejarah telah dapat mengumpul dan menyimpan Susur-Galur Keluarga Diraja Brunei dan menerbitkan 'Syair Rakis' (edisi Pusat Sejarah), 'Tarsilah Brunei' (dalam percetakan) dan akan menerbitkan beberapa buah buku


lagi di antaranya 'Riwayat Hidup DYT M Paduka Seri Begawan Sultan', 'Catatan Ringkas Darussalam Merdeka', 'Sejarah Ringkas Sultan-Sultan Brunei', dan risalah-risalah ringkas mengenai Sejarah Brunei mengikut sesuatu zaman yang tertentu dari masa ke semasa berdasarkan kepada

keperluan-keperluan dan kepentingan Negara Brunei Darussalam.

Rombongan itu seterusnya dibawa melawat ke Unit Pentadbiran, Unit Penyelidikan, Unit Arkib dan Perpustakaan, Unit Pameran dan Penggambaran dan Bahagian Penerbitan.



DAYANG Rokiah, Pegawai Penyelidik Pusat Sejarah ketika menerangkan berhubung salasilah Kesultanan Brunei kepada penuntut-penuntut Sekolah Menengah Sungai Kebun.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam menerima 'Tabik Hormat' daripada pasukan Kawalan Keselamatan Askar Gurkha sejurus keberangkatan Baginda ke Perkhemahan Seria (atas) dan selepas itu Baginda berkenan memeriksa perbarisan yang terdiri dari 64 orang anggota Askar Gurkha (bawah).

GAMBAR kanan kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung, berangkat ke sekitar perkhemahan dengan diiringi oleh Leftenan Kolonel R.P. Richardson-Aitken dan dialu-alukan oleh anggota keluarga Askar Gurkha, sementara kanak-kanak Sekolah Askar Gurkha berbaris di sepanjang jalan yang dilalui sambil mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam, Union Jack dan Nepal, seperti kelihatan dalam gambar bawah kanan.



peperai
menye
daripa
turut s

Sep
dalam
Bagind
oleh
kanak
Gurkha
meng
bende
Daruss
Nepal

Sebe
ningg
terseb
Maha
mene
sebilal
kalung
Ken
pesaw
mene
lawat
kawas
Ram
meny
keten
meng
ka
pihak
latiha

17 Oktober, 1984.

Kunjungan Kebawah D.Y.M.M. ke Perkhemahan Askar Gurkha

Gurkha telah mem-perlihatkan kecakapan mereka dalam melakukan serangan-serangan ke kubu pertahanan musuh yang sedang bertahan di dalam lobang-lobang tanah.

Disebabkan tekanan serangan yang bertalu-talu, pihak musuh yang menawan kampung tersebut banyak terbunuh serta menyerah diri, dan di akhir latihan tersebut Askar Gurkha dapat menguasai kembali kampung yang ditawan oleh musuh itu.

Pasukan Keenam Queen Elizabeth's Own Gurkha Rifles adalah dalam rangka terakhir berkhidmat di negara ini sejak tahun 1982. Tempoh perkhidmatan mereka akan berakhir pada November depan dan tempat mereka di-jangka akan digantikan oleh Pasukan 1st Batalion, 2nd King Edward The VII's Own Gurkha Rifles.

Mengakhiri kunjungan lawatan pada hari itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menurunkan tandatangan di buku lawatan bertempat di Mesa Pegawai Tentera British di Mumong.



oleh: Ak Bahar Pg Haji Omar.



DALAM kunjungan ke Perkhemahan Askar Gurkha itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah dijunjung menyaksikan berbagai kegiatan dan alat-alat kelengkapan tentera yang digunakan oleh askar tersebut. Gambar atas Baginda sedang menyaksikan peralatan perubatan dan pakaian yang digunakan oleh Askar Gurkha.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika dijunjung menyaksikan pameran unit Perhubungan Semboyan dan mendengar penerangan pegawai unit tersebut (kanan).

Gambar bawah: Di samping mendapatkan latihan asas ketenteraan, askar juga dilatih dalam bidang perubatan.

Gambar bawah kanan: Dua orang Askar Gurkha memperlihatkan teknik menggunakan pakaian dan senjata anti-nukliar.



rtb Intisari minggu ini

"Itulah Akibat Kalau Sombong"

PENULIS Mayu tampil lagi kali ini dengan karyanya yang berjudul **ITULAH AKIBAT KALAU SOMBONG** untuk mengisikan rancangan Sandiwara Radio Minggu Ini.

Watak Rasul yang baru saja lulus dari universiti tiba-tiba berubah menjadi seorang yang sombong dan enggan bergaul dengan orang-orang kampung kerana dalam pandangannya orang di kampungnya masih berfikir kolot dan berbeza dari dia sebagai seorang lepasan universiti.

Perangai sombongnya semakin menjadi-jadi lagi apabila ia diterima bekerja

menjadi pengurus di sebuah pejabat di bandar mereka, lebih-lebih lagi dialah orang pertama di kampung itu untuk menyangand jawatan tinggi.

Inilah yang tidak menyenangkan hati adiknya Hasnah dan juga ayah mereka. Hasnah bimbang nanti disebabkan oleh sikap sombong abangnya akhirnya mereka sekeluarga yang menjadi mangsa. Secara kebetulan pula ia hendak meraikan hari perkahwinannya tidak lama lagi.

Walaupun seringkali mendapat teguran dari Hasnah dan ayahnya, Rasul tetap juga tidak mahu

tajuk Sandiwara Radio Minggu Ini

mengubah sikapnya. Orang-orang kampung juga sudah maklum benar dengan perubahan perangainya itu. Seperti apa yang diduga Hasnah awal lagi, orang-orang di

kampung mereka juga akan memberikan tindakbalas terhadap sikap abangnya itu, dan ini ternyata benar terjadi ketika majlis perkahwinannya berlangsung.

Bagaimanakah cara orang-orang kampung melakukan tindakbalas mereka? Akan insafkah Rasul setelah melihat keadaan itu dengan matanya sendiri? Penjelasan bagi

persoalan ini akan dapat diikuti melalui siarannya pada 21 Oktober, 1984 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini adalah terbitan Zainab Hj. Mohd. Taha.

Radio Minggu Ini:

PENTINGNYA MUZIK DALAM PENYIARAN

DALAM beberapa hal, muzik memang memainkan peranan yang penting dalam penyiaran. Untuk mengenalkan sesuatu rancangan radio, pasti akan dimulakan dengan muzik yang bersesuaian. Setiap rentak muzik juga mempunyai pengertian yang tertentu.

Irama rancak, irama lemah-gemalai, irama asli, irama padang pasir dan bermacam-macam irama ini setiap satunya mempunyai pengertian yang tersendiri. Daripada berbagai macam irama itulah perbit radio dapat menyalurkan pemilihan muzik yang sehaluan dengan rancangan yang akan diterbitkan.

Sebuah drama radio tidak akan lengkap penerbitannya tanpa muzik untuk mengambil peranan sebagai penyelang cerita. Muzik itu pula bertindak selaku perwakilan bagi tema sesuatu cerita itu. Dalam adegan sedih pasti akan dinaikkan irama sedih juga dan begitulah sebaliknya. Itulah peranan muzik yang mungkin pada setengah orang hanya menganggapnya ringangan, tapi mempunyai fungsi yang besar dalam sesuatu penyiaran.

Barangkali awda pernah membaca laporan dalam sebuah majalah yang melaporkan tentang kejadian di negeri China yang ada kaitannya dengan muzik. Ramai botanis percaya sungguh-sungguh bahawa pokok-pokok memangnya bergerak-balas kepada muzik. Dari sini kita dapat membuat perbandingan betapa besar fungsi muzik itu, sedangkan pokok-pokok yang tidak nyata kepada kita di mana letak telinga atau alat pendengarannya juga tahu mengharganya. Daripada tarian pokok-pokok itulah penyelidik-pe-

nyelidik mendapat tahu dan dapat membuktikan yang tumbuh-tumbuhan, pokok dan bunga-bunga juga memiliki perasaan seperti kita. Cuma mungkin pokok-pokok itu tidak mempunyai hati seperti manusia, entahlah!

Pernah juga seorang lelaki Inggeris berkata, pokok-pokok bunga akan lebih kerap mengeluarkan bunga dan subur hidupnya jika tuannya bunga tersebut rajin bercerita ataupun menyanyikan lagu-lagu yang berentak perlahan di hadapannya. Benar atau tidaknya terpuanglah pada awda sendiri, belum dicuba masakan tahu jawabannya.

Nampaknya muzik yang dicipta oleh manusia dan untuk hiburan manusia itu sendiri, dalam zaman sekarang ini sudah mem-

punyai pemuja yang tidak terhad bilangannya. Dan dalam hal ini, patutkah radio mengurangkan lagu-lagu nyanyian seperti teguran yang kadangkala diterima dari pengkritik radio?

Apa yang aneh dari pandangan radio ialah, semakin ada orang yang tak suka, semakin bertambah pula bilangan orang yang meminatinya. Pemuja-pemuja muzik bukan sedikit bilangannya dan radio mampu membuktikan dengan memamerkan kad-kad permintaan yang setiap hari datang mencurah-curah meminta diputar lagu-lagu kegemaran masing-masing, dan dengan itu juga sentiasa membuka jalan untuk rancangan ini berjalan terus. Bayangkanlah betapa murahnya dunia penyiaran tanpa muzik.



DAYANG Rohayah bte Othman beralamat Peti Surat 2043, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam akan bersama awda semua menerusi ruangan setengah jam 'Dari Pendengar Untuk Pendengar'. Antara lagu-lagu pilihannya ialah lagu-lagu dendangan Adam Ahmad dan Sudirman.

Dayang Rohayah akan bersama awda pada hari Selasa 23 Oktober jam 4.00 petang.

ISNIN — 22 OKTOBER

PAGI

8.50 SAINS DAN HIDUPAN DI BRUNEI (Waktu)

Dari zaman dahulu hinggalah sekarang jam adalah mustahak bagi kehidupan sehari-hari. Ada terdapat beberapa jenis jam yang telah direka. Untuk mengetahuinya ikutilah nanti rancangan ini.

9.20 LOOK, LISTEN AND SPEAK (A Visit to Museum)

Minggu ini murid-murid akan dibawa mengikuti lawatan Gani dan Jay Jay ke Muzium yang ada di Kota Batu. Sebuah lagu akan dinyanyikan oleh Gani, Jay Jay dan Owl berkenaan dengan muzium.

SELASA — 23 OKTOBER

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI BRUNEI (Waktu).

9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (A Visit to Museum)

RABU — 24 OKTOBER

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI BRUNEI (Waktu).

9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (A Visit to Museum)

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV MINGGU INI

HARI RABU 17 OKTOBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 FRAGGLE ROCK
- 4.55 INSPECTOR GADGET
- 5.20 DIFFERENT STROKES
- 5.45 WILD KINGDOM
- 5.45 "Where The Crocodile Is King"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 WILD KINGDOM — sambungan
- 6.11 AZAN MAGHRIB
- 6.21 TEKA TEPAT

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 HART TO HART: "Harts And Hounds"
- Satu tradisi memburu musang di England telah dicemarkan oleh satu pembunuhan yang melibatkan Harts untuk mencari pembunuhnya.
- 7.26 AZAN ISYAK
- 7.30 HART TO HART — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 LIPUTAN NASIONAL
- 9.15 MAGGIE BRIGGS: "Good Bad Dumb Stinks"
- 9.45 THE MISSISSIPPI: "Peace With Honor"
- 10.25 TAYANGAN GAMBAR: "Bud And Lou"
- Dipadankan dari kumpulan komedi termasyur "Abbot And Costello" yang menggambarkan latar belakang pertelingkahan di antara dua pelawak. Pelakon-pelakon: Harvey Korman, Buddy Hackett, Michele Lee, Robert Reed, dan lain-lain.
- 11.55 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 18 OKTOBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 FAT ALBERT AND THE COSBY KIDS
- 5.50 AGAINST THE ODDS
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 AGAINST THE ODDS — sambungan
- 6.11 AZAN MAGHRIB
- 6.21 WONDER OF THE WORLD

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 TRAUMA CENTER: "No Easy Days"
- 7.26 AZAN ISYAK
- 7.30 TRAUMA CENTER — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 HIDAYAT
- 9.15 DUNIA MINGGU INI
- 9.45 HAWAII FIVE O: "School For Assassins"
- 10.45 MAN ABOUT THE HOUSE: "Two Foot Two Eyes Of Blue"
- Robin dan Chrissy mengambil upahan menjaga anak damit yang sentiasa menagis. Kabinet minuman pula terkunci.
- 11.15 POT BLACK 1983
- 12.15 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 19 OKTOBER

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
- 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.13 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.25 SIARAN LANGSUNG SEMBAH-YANG FARUJ JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN JACQUES COUSTEAU'S ODYSSEY:
- 1.24 "Time Bomb At Fifty Fathoms"
- Sebuah kapal membawa 900 deram kimia beracun telah tenggelam di laut berdekatan dengan pantai selatan negeri Itali. Dengan menggunakan teknik mereka tersendiri penyelam-penyelam Jacques Cou-

steau telah dapat menemuinya semula.

PETANG

- 2.10 CRUSADER RABBIT: "There Is No Place Like Rome"
- 3.00 RUBIK: THE AMAZING CUBE: "Rubik, And The Buried Treasure"
- 3.25 WEBSTER
- 3.30 AZAN ASAR
- 3.34 WEBSTER — sambungan
- 4.00 MILLER'S COURT
- 4.30 YOU ASKED FOR IT
- 4.55 SCIENCE WORKSHOP
- 5.15 EXPEDITION DANGER
- 5.45 TOWARDS 2000
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TOWARDS 2000 — sambungan
- 6.11 AZAN MAGHRIB
- 6.21 TEKA TEPAT

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 'V' SERIES
- 7.26 AZAN ISYAK
- 6.30 'V' SERIES — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN
- 8.55 LIPUTAN NASIONAL
- 9.25 DRAMA: "Kau Yang Dilupakan" (SBC)
- 9.55 KNOTS LANDING: "Change Of Heart"
- Diana memberi laporan tentang pengibatan Chip. Mack memaksa Karen berjumpa doktorinya dan Gary mengesan seorang yang serupa dengan Cui.
- 10.45 REGGIE: "Once A Father"
- Reggie berahsia dengan anak perempuannya Linda yang menjadi seorang pemandu peacung dan demi untuk memenuhi kemahuan majikannya.
- 11.15 MIKE HAMMER: "Negative Image"
- Setelah menerima panggilan telefon, Mike masih jua terlambat untuk menyelamatkan nyawa kawannya seorang jurugambar. Polis tidak mengindahkan sekeping negatif tiga wa'ta yang Mike percaya boleh membantu siasatannya.
- 12.00 PAUL ANKA: "Sherisse Lawrence"
- 12.30 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 20 OKTOBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 MARINE BOY: "D'ster On The High Sky"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 WILD AUSTRALIA: "The Southern Edges: The Dominant Forest"
- Hutan ini menganjur dari pantai hingga ke kawasan Alpine. Banyak di antara binatang-bintang yang terdapat di sana suka keluar di sebelah malam.
- 6.11 AZAN MAGHRIB
- 6.21 WILD AUSTRALIA — sambungan
- 6.31 DOMESTIC LIFE: "Cooking With Candy"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 KNIGHT RIDER: "Knightsmares"
- 7.26 AZAN ISYAK
- 7.30 KNIGHT RIDER — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 LIPUTAN NASIONAL
- 9.15 MARI MEMASAK: "Savour Rampai Ayam"
- Resipinya ada disiarkan di muka lain akhbar ini.
- 9.45 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Remaja Remaja"
- 11.15 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "They Came To Cordura"
- Seorang major yang telah dilucutkan kuasanya ditugaskan mencari lima orang askar yang sesuai untuk Congressional Medal of Honor. Dalam perjalanan ke Cordura mereka disertai oleh seorang wanita yang dituduh pengkhianat negara.



JACK Bannon (kiri) dan James Naughton bersama seorang mangsa kemalangan untuk diterbangkan dengan helikopter ke TRAUMA CENTER — esok jam 7.15 malam.

Pertelingkahan berlaku. Pelakon-pelakon: Gary Cooper, Rita Hayworth, Van Heflin, dan lain-lain.

12.45

HARI AHAD 21 OKTOBER

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 2.13 SUSUNAN RANCANGAN
- 2.15 TEETIME AND CLAUDIA
- 2.25 PINK PANTHER INSPECTOR
- 2.55 THE JEFFERSONS
- 3.25 BIG LEAGUE SOCCER
- 3.29 AZAN ASAR
- 3.33 BIG LEAGUE SOCCER — sambungan
- 4.20 FANTASY ISLAND
- "Nurses Night Out" Bgh. I
- Tiga orang jururawat tiba di Fantasy Is and sebagai hadiah kepada mereka dari seorang penderita misteri set ah menghargai layanan baik semasa menjalani rawatan di rumah sakit tempat mereka bertugas.
- 5.15 HONDO: "The Judas"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 BRITANNICA PHENOMENAL WORLD: "River of Life"
- 6.10 AZAN MAGHRIB
- 8.20 BRITANNICA PHENOMENAL WORLD — sambungan
- 6.30 BENSON: "You Can't Give It Away"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SIMON AND SIMON: "All Your Favourite Games"
- 7.24 AZAN ISYAK
- 7.28 SIMON AND SIMON — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 DARI DEWAN RAYA
- 9.30 RAGE OF ANGEL Bgh. I
- 10.15 CONDO: "The Babysitters"
- 10.45 REILLY: ACE OF SPIES: "The Trust"
- 12.45 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 22 OKTOBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 DUKE OF HAZZARD: "Morocco Bound"
- 5.00 SMURFS
- 5.30 THE POSEIDON FILES: "Unknown Mediterranean" Bgh. II (Final)
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TEKA TEPAT
- 6.10 AZAN MAGHRIB
- 6.20 TEKAT TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 BARE ESSENCE
- 7.24 AZAN ISYAK
- 7.28 BARE ESSENCE — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 LIPUTAN NASIONAL
- 9.15 WRESTLING
- 10.10 DOCUMENTARY SPECIAL
- 11.40 MYSTIC WARRIORS Bgh. I (Siri baru)
- 12.30 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 23 OKTOBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 ARCHIES TV FUNNIES
- 5.00 WORLD OF SURVIVAL: "E.Tv The Poor Crocodile"
- Buaya dan sejenisnya seperti biawak dari 150 juta tahun yang lampau tidak menghadapi apa-apa perubahan. Menghadapi kepupusan sangatlah jelas. Dari jumlah 23 jenis buaya 21 di antaranya sedang menghadapi ancaman ini.
- 5.30 BUGS BUNNY SHOW
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 NOVA: "Television Explosion"
- Sa'ah satu ciptaan yang banyak mempengaruhi kehidupan manusia 50 tahun kebelakangan ini ialah televisyen. Saksikanlah bagaimana perkembangan, penganalisaan, penelitian dan perdebatan mengenai televisyen menerusi televisyen.
- 6.10 AZAN MAGHRIB
- 6.20 NOVA — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE FALL GUY: "Cool Hand Colt"
- Jody telah membuktikan kepada Dixon bahawa dia bukan sahaja berhajat untuk melabur tetapi juga terpicat kepadanya. Perhubungan mereka membolehkan Howie memperoleh bukti-bukti menunjukkan Dixon dan Dupres telah menggunakan buruh dengan percuma untuk satu projek jahat mereka.
- 7.24 AZAN ISYAK
- 7.28 THE FALL GUY — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 ARENA SUKAN
- 9.45 THE YELLOW ROSE
- 10.40 TAYANGAN GAMBAR: "Mary Jane Harper Cried Last Night"
- Seorang ibu yang menghadapi sakit jiwa dengan selalu menyalahkan anak perempuannya jika terjadi sesuatu kesalah. Cerita ini memokus kepada satu masa'ah sosial hari ini — digelar "child abuse". Pelakon-pelakon: Susan Dey, Bernie Casey, Tricia O'Neil, John Vernon, dan lain-lain.
- 12.30 SIARAN TAMAT.



Rancangan Rancangan



RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

HARI RABU 17 OKTOBER

PAGI: 9.00—Taman Mekar (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Permintaan Pagi Rabu, 11.15—Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30—Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00—Dunia Wanita (SU), 9.30—Penyanyi Minggu Ini, 3.15—Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30—Bahas Sekolah-sekolah (SU), 4.00—Hiburan Petang, 4.30—Bangsawan Di Udara (Seri Rama siri ketujuh), 5.00—Rampai Petang, 5.15—Sudut Pelita (SU), 5.45—Senandung Senja, 6.00—Menuju Keredaan Allah.

MALAM: 7.00—Titian Budaya (SU), 7.15—Selingan Irama, 8.15—Permintaan Sukaramai, 9.15—Lagu-lagu Keroncong, 9.30—Hiburan Ma'am.

HARI KHAMIS 18 OKTOBER

PAGI: 9.00—Sains dan Perusahaan (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Penglipur Lara, 10.30—Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30—Senandung Lagu-lagu Lama/Sumbangsih.

PETANG: 2.00—Tetamu Minggu Ini (SU), 2.30—Fokus, 3.15—Hiburan Petang, 3.30—Majalah Ugama, 4.00—Drama dari Novel, 4.30—Rampai Petang, 5.45—Senandung Senja.

MALAM: 7.00—Bacaan Surah Yassin, 8.15—Selingan Irama, 8.30—Bimbingan Al-Quran, 9.00—Lagu-lagu Asli, 9.30—Tafsir Al-Quran.

HARI JUMAAT 19 OKTOBER

PAGI: 9.00—Majalah Radio (SU), 9.30—Nada Pedoman, 10.15—Soalan Di Udara, 10.30—Tafsir Al-Quran (SU), 11.00—Mutia Asli, 11.30—Bimbingan Al-Quran (SU), 12.00—Pedoman Hidup, 12.15—Bacaan Al-Quran, 12.30—Siaran Langsung Menuaikan Sembahyang Fardu Jumaat.

TENGAH HARI: 1.15—Selingan Irama, 1.45—Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00—Lukisan Masyarakat, 2.30—Hiburan Petang, 3.15—Hiburan Pilihan, 3.20—Peajaran Dewasa Di Udara, 4.00—Permintaan Jiran Tetangga, 4.30—Dunia Wanita, 5.00—Hiburan Petang, 5.45—Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00—Cerpun Dan Salukan, 8.15—Selingan Irama, 8.30—Majalah Ugama (SU), 9.00—A'iam Remaja (SU), 9.30—Hiburan Malam.

HARI SABTU 20 OKTOBER

PAGI: 9.00—Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30—Hiburan Riang Ria, 9.45—Soalan Di Udara (SU), 10.15—Varia Peristiwa (SU), 10.30—Rampaisari.

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00—6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Sinaran Wahyu
6.15 Pedoman Hidup
6.30 Membacakan Susunan Rancangan
6.33 Dendang Suria
7.00 Dendang Suria
7.10 Panduan Sukan

TENGAH HARI

11.30—12.45 Untuk Awda
1.00 Majalah Radio
siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad)

PETANG

4.30 Rampai Petang
6.00 Menuju Keredaan Allah
Siaran langsung menuaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin.

MALAM

7.30 Majalah Radio
10.15 Bacaan Al-Quran
10.25 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita Perdana)
8.00 pagi
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 tengah hari (hari Jumaat)
3.00 petang
5.30 petang (Berita Perdana)
8.00 malam

MENYIARKAN AZAN:

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

TENGAH HARI: 1.30—Lagu-lagu Dari Filem, 2.00—Permintaan Hujung Minggu.

PETANG: 3.15—Hiburan Petang, 3.30—Cerpun Dan Salukan (SU), 4.00—Mutia Asli (SU), 4.30—Rampai Petang, 5.45—Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00—Tinjauan (SU), 8.15—Syair Perlembagaan, 8.30—Bangsawan di Udara (SU), 9.00—Permintaan Malam Minggu.

HARI AHAD 21 OKTOBER

PAGI: 9.00—Taman Mekar, 9.30—Hiburan Hari Minggu, 10.15—Majalah Perdana, 11.00—Hiburan, 11.30—Sandiwara Radio, 12.00—Tahniah dan Ucapan Selamat.

TENGAH HARI: 1.00—Permintaan Dua Stesen.

PETANG: 2.00—Serbanika Hiburan, 2.30—Fokus (SU), 3.15—Majalah Sukan,

3.45—Titian Budaya, 4.00—Senandung Lagu-lagu Lama/Sumbangs h, 4.30—Bujang Si Gandam, 5.00—Tetamu Radio, 5.45—Senandung Senja.

MALAM: 7.00—Seni dan Sastera, 7.15—Lagu-lagu Selingan, 8.15—Selingan Irama, 8.30—Suara Perajurit, 9.00—Drama Dari Novel (SU), 9.30—Pilihan Pendengar.

HARI ISNIN 22 OKTOBER

PAGI: 9.00—Dendang Antarabangsa, 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Berdendang Denganku, 10.30—Sains Dan Perusahaan, 11.00—Sukma Ria.

TENGAH HARI: 1.30—Permintaan Hari Isnin.
PETANG: 2.30—Lukisan Masyarakat (SU), 3.15—Syair Perlembagaan, 3.30—Alam Remaja, 4.00—Rampai Petang, 4.15—Ruangan Katani, 4.30—Rampai Petang, 5.45—Senandung Senja, 6.00—Menuju Keredaan Allah.

MALAM: 7.00—Majalah Sukan (SU), 8.15—Lagu-lagu Selingan (SU), 8.30—Kuliah Ugama (SU), 9.00—Serbanika Hiburan, 9.30—Kutujukan Lagu.

HARI SELASA 23 OKTOBER

PAGI: 9.00—Suara Perajurit, 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30—Permintaan Kaum Wanita, 11.00—Untuk Awda, 11.30—Panduan Wanita (SU).

TENGAH HARI: 1.30—Kusampaikan Salam,

PETANG: 2.30—Varia Peristiwa, 2.45—Gema Silam, 3.15—Seni dan Sastera (SU), 3.30—Sukma Ria (SU), 4.00—Dari Pendengar Untuk Pendengar, 4.30—Rampai Petang, 5.45—Senandung Senja.
MALAM: 7.00—Ruangan Katani (SU), 7.15—Lagu-lagu Selingan, 8.30—Sandiwara Radio (SU), 9.00—Bahas Sekolah-sekolah, 9.30—Permintaan Sukaramai.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING Wednesday

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
8.30 35th Cheltenham Festival: Aeolian String Quartet
Programme 3 (side 2 of 3)
9.00 Popular Classic: Concerto Classical Disc 7 (side 2 of 2)
9.30 Ta'king About Music — 284/290.

Thursday

P.M.

8.00 International Money Programme
8.15 World Theatre: "Physicists" by Friedrich Durrenmatt (side 1 and 2 of 2).
9.30 Ella Fitzgerald In Concert with the Brian Fahey Concert Orchestra and the Jimmy Rowles Trio (side 3 of 3)

Fridays/Holidays

A.M.

11.00 Fifteen Minute Theatre: "Always In Love With Amy" by Ken Whitmore.
11.15 Light Music From The Netherlands — 627.
11.30 Children's Half Hour

NOON

12.00 19th Cambridge Folk Festival: The Muldior Band — 6/12.
12.45 My Music — 324/436.

P.M.

1.15 Book Club: The Hobbit by J.R.R. Tolkien — 5/15.
1.30 Break for music with Malay traditional songs — 44.

1.45 Just for variety by continuity announcer.
2.00 Soundtrack of the Sixties (K842—5 side 2B & 3B)
4.00 Chinese programmes.
8.00 The World of Books
8.30 Thirty-Minute Theatre: "Fingers of Suspicion" by M'ke Parker.
9.00 Perspective
9.30 A Date with (repeat)

Saturday

P.M.

8.00 Hits In Germany.
8.30 Animal, Vegetable or Mineral — 42/46.
9.00 Strictly Instrumental
9.30 Top of The Pops — 1039.

Sunday

A.M.

11.00 Our Views—with chairlady Mordiah Haji Jackia — 23/26.
11.30 Practical World
11.45 London This Week

NOON

12.00 A Date With
12.45 Review of the Week
1.00 Top of The Pops — 1039 (repeat)
1.30 Weekend Greetings
2.45 "Patterson" by Malcolm Bradbury & Christopher Bigsby — 6/8.
3.15 Just for variety
8.00 Our Views — 23/26 (repeat)
8.30 BBC Science Magazine
9.00 Beautiful Music — 35/60.
9.30 Soundtrack of the Sixties (K842 — 6 side 1A)

Monday

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five: "Half Way House" by Stuart Jackman.
8.45 The Guitar Greats: Jimmy Page — 8/14 side 2 of 2
9.30 Sweet and Stylish by James Davis and Orchestra — 2/12

Tuesday

P.M.

8.00 Just For You by Jaafar Yaakub
9.00 In Sentimental Mood
9.30 Stereo Pop Special: "Kissing The Pink" side 1.

Daily

A.M.

6.29 Jingle
6.30 Allah Peliharakan Sultan
6.32 Quran and It's Translation
6.45 Berita Perdana followed by Brunei In History, Brunei's AM and Weather Forecast
7.30 Local News with Tide Times
7.35 Brunei's AM (continued)
8.30 Chinese programmes.
11.00 Ladies at Eleven except Fridays and Sundays.

NOON

12.00 Lunch Break except Fridays and Sundays.
12.30 News followed by Brunei In History, and Weather Forecast
2.00 Close for morning transmission on Mondays-Thursdays
4.00 Close for morning transmission on Fridays and Sundays

P.M.

5.15 News.

ASKAR WANITA MEMENANGI PIALA KOLONEL KOMANDAN



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna menyampaikan Piala Kolonel Komandan kepada Kompeni Askar Wanita, juara dua tahun berturut-turut.



KOMPENI Askar Wanita memenangi tiga dari empat acara lorong yang dipertandingkan sebagai acara terakhir.

LATIHAN serius yang dijalankan beberapa minggu sebelum kejohanan bermula oleh Kompeni Askar Wanita khusus untuk menghadapi Piala Kolonel Komandan tidak menjadi abu yang berterbangan mengikut tiupan angin tanpa tujuan yang tertentu.

Latihan dan perhatian yang ditekankan membolehkan hasil bilamana untuk kedua tahun berturut-turut Kompeni Askar Wanita menjulang piala rebutan kejohanan sukan tahunan pasukan pertahanan.

Dan untuk kedua kalinya Piala Kolonel Komandan, kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan masih bertapak digenggaman Kompeni Askar Wanita.

Hampir keseluruhan sembilan acara disapu bersih oleh Kompeni Askar Wanita dengan hitungan mata 7 — 1 dan satu seri (lari berhalangan). Tahun lepas mata keseluruhan ialah 4 — 3 dengan satu seri juga dalam acara lari berhalang.

Dalam acara ini kedua pasukan memperoleh mata yang sama 334. Di hari pertama dan kedua saja Kompeni Askar Wanita mendahului dengan memenangi tiga dari empat acara.

Menang acara kawad, berenang dan seri lari berhalangan sementara menang acara menembak dengan mata 686 dan Polis Wanita 657.

Kemudian terus menguasai acara hari ketiga iaitu bola jaring dengan mata 31 — 8 dan bulu tangkis dengan 4 — 2.

Di hari terakhir memperandingkan acara bola tampar, tarik kalat dan acara lorong.

Kompeni Askar Wanita terus menambahkan mata dengan memenangi acara bola tampar dalam tiga set dan kemudian tewas dalam acara tarik kalat.

Dalam acara lorong empat acara dipertandingkan iaitu 100 meter, 400 meter, 4x100 dan 4x400 meter.

Dari empat acara lorong ini Kompeni Askar Wanita menyapu tiga acara selaku pemenang, 100 meter, 4x100 dan 4x400 meter sementara Polis Wanita hanya memenangi acara 400 meter.

Kegigihan dan semangat untuk menang yang tinggi banyak memainkan peranan dalam kejayaan Kompeni Askar Wanita, di samping latihan berat yang dijalankan.

Ini terserahlah bilamana mereka dapat memperbaiki mata pencapaian dari tahun lepas. Kejohanan tahunan Piala Kolonel Komandan tahun ini menyelitikan satu acara baru iaitu perlawanan kawad di mana tahun lepas hanya sebagai acara persembahan saja.


Tahun depan kejohanan ini akan dikendalikan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei.

Sukan

Kelolaan:

Manaf Rahman

pelita



DALAM acara lari berhalangan (dalam gambar) untuk kedua kalinya kedua pasukan telah seri dengan memperoleh mata 334.



PERLAWANAN bola tampar dilanjutkan sehingga tiga set. Di set penentu Kompeni Askar Wanita menang 15 — 1.

Bola sepak antara daerah bermula

LAPAN buah pasukan akan bertanding dalam kejohanan bola sepak belia tajaan Shell Brunei antara daerah seluruh negara yang telah bermula pada hari Ahad, 14 Oktober lepas.

Kejohanan tahunan yang dikendalikan oleh Persatuan Bola Sepak Amatur Daerah Belait (BDAFA) telah dibuka rasmi oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Tudin bertempat di Padang Kelab Ria, Kuala Belait.

Dua perlawanan telah dilangsungkan di hari tersebut iaitu Temburong B

bertemu Tutong B dan Belait A bertemu Brunei A.

Terdahulu sebelum itu seperti lazimnya satu penyampaian alat-alat sukan kepada pengurus-pengurus pasukan yang mengambil bahagian telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Kelab Ria, pada 7 Oktober lepas.

Penyampaian alat-alat sukan itu telah dilakukan oleh wakil Syarikat Minyak Shell Brunei, Awang Mohd Shariff Haji Naweh.

Jadual perlawanan kejohanan ini adalah seperti berikut:

Pada 19 Oktober 1984 (Jumaat); Belait B bertemu Tutong B (KBRC), Tutong A bertemu Belait A (Tutong), Temburong A bertemu Brunei A (Menglait BSB) dan Temburong B bertemu Brunei B (Kompleks JKR).

Pada 21 Oktober (Ahad); Tutong B bertemu Brunei B (Tutong), Temburong B bertemu Belait B (Kompleks JKR), Brunei A bertemu Tutong A (Menglait BSB) dan Temburong A bertemu Belait A (KBRC).

Jadual selanjutnya akan dikeluarkan di Sukan Pelita minggu depan.

Jawatankuasa Tertinggi Pesta Sukan Merdeka dibentuk

SEBUAH jawatankuasa tertinggi Pesta Sukan Merdeka yang akan bergerak dan bertanggungjawab menjalankan pengendaliannya telah dibentuk dalam satu mesyuarat yang telah berlangsung beberapa bulan lalu.

Yang Dimulikan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain, Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan dilantik menjadi Pengerusi.

Sementara itu dua orang telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi, mereka ialah Awang Abdul Razak Haji Mohammad (Timbalan Pengerusi I) dan Dato Paduka Awang Sidek Yahya (Timbalan Pengerusi II).

Awang Haji Mokti bin Haji Mohd Daud dilantik selaku Setiausaha dan Penolongnya Awang Talib bin Haji Barudin dan Awang John Puk menjalankan tugas Bendahari.

Majlis pada hari itu juga telah melantik 14 orang ahli jawatankuasa terdiri dari Yang Amat Mulia Pesuruhjaya Polis, Pg Dr. Ismail Pg. Haji Damit, Pegawai Pemerintah ABDB, Awang Abdullah Mudim Haji Bakar, Malai Ali Malai Haji Othman, Awang Haji Ahmad Haji Ibrahim.

Awang Haji Mohd Amin PSD Haji Abd Rahim, Pg



Shahminan Pg Seri Indera Pg Haji Ismail, Dayang Zaliha Haji Mohiddin, Dayang Mordiah Haji Jackia, Awang Jalil Haji Abd Rahman, Awang Mohammad Dennis Haji Roslee, Awang Haji Ahmad Ghazali Haji Tengah dan Awang Haji Yahya bin Yusof.

Sementara jawatankuasa kerja (working committee) yang dilantik akan bertanggungjawab mengendalikan pengurusan-pengurusan penginapan, perkampungan sukan, upacara-upacara, perhiasan, kewangan, perubatan, perhubungan dan akhbar, siaran radio dan TV.

Alat-alat dan latihan khas, percetakan dan buku-buku rancangan, protokol, penyambut dan seranta, keselamatan, keraian dan jamuan, kenderaan dan

peraturan dan undang-undang.

Pengerusi-pengerusi yang dilantik bagi jawatankuasa kerja terdiri dari Penginapan Awang Ibrahim Haji Ali; Perkampungan Sukan, Yang Dimulikan Pehin Datu Perkaasa Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Awang Ishak Haji Abd Hamid. Upacara-upacara, Awang Ali Hashim Haji Daud; Perhiasan, Awang Idris Haji Abas; Kewangan, Awang John Puk.

Perubatan, Dato Dr. Haji Hussain Haji Mohd Daud, Perhubungan dan Akhbar, Awang Haji Badaruddin Pengarah Haji Othman, Siaran Radio dan TV, Pg Badaruddin Pg. Ghani; Alat-alat dan Latihan Khas, YAM Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pg Haji Mokhtar Puteh.

Percetakan dan Buku-buku Rancangan, Awang Haji Mohd Yunus Haji Mohd. Husain; Protokol, Pg Haji Ahmad Pg Mohd Yusof, Penyambut dan Seranta, Pg Haji Sani Pg Ahmad, Keselamatan, Dato Haji Abd Rahman Haji Awang Besar; Keraian dan Jamuan, Yang Dimulikan Pehin Datu Kerma Setia Mejar Mohd Don Haji Abd Latif; Kenderaan, Mejar Pg Haji Jeluddin Pg Mustafa dan Peraturan dan Undang-undang, Awang S.D. William.

KEKUATAN TENTERA MENJAMIN KESELAMATAN NEGARA DENGAN BERKHIDMAT DI DALAM



ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI



AWANG-AWANG BOLEH MENCEBURI BERBAGAI-BAGAI JURUSAN KETENTERAAN DENGAN GAJI YANG MEMUASKAN: SEPERTI YANG TERDAPAT DI DALAM 'B' TRADE DAN 'A' TRADE.



'B' TRADE

Rekrut	\$ 580.00	+	\$ 213.00	=	\$ 793.00
Soldadu	\$ 625.00	+	\$ 213.00	=	\$ 838.00
Lance Kopral	\$ 655.00	+	\$ 213.00	=	\$ 868.00
Kopral	\$ 765.00	+	\$ 213.00	=	\$ 978.00
Sarjan	\$1,045.00	+	\$ 213.00	=	\$1,258.00
Staff Sarjan	\$1,190.00	+	\$ 213.00	=	\$1,403.00
Peg Warrant II	\$1,340.00	+	\$ 213.00	=	\$1,553.00
Peg Warrant I	\$1,555.00	+	\$ 213.00	=	\$1,768.00



'A' TRADE

Soldadu	\$ 650.00	+	\$ 213.00	=	\$ 863.00
Lance Kopral	\$ 670.00	+	\$ 213.00	=	\$ 883.00
Kopral	\$ 785.00	+	\$ 213.00	=	\$ 998.00
Sarjan	\$1,085.00	+	\$ 213.00	=	\$1,298.00
Staff Sarjan	\$1,215.00	+	\$ 213.00	=	\$1,428.00
Peg Warrant II	\$1,375.00	+	\$ 213.00	=	\$1,588.00
Peg Warant I	\$1,595.00	+	\$ 213.00	=	\$1,808.00

INGIN MENJADI AHLI PAYUNG TERJUN BEBAS!
INI ADALAH SATU-SATU JURUSAN YANG ADA
DI DALAM ABDB.



PENGAMBILAN YANG KE-65 SEDANG DIJALANKAN,
MENDAFTARLAH BERAMAI-RAMAI, UMUR AWANG AN-
TARA 17½-25 TAHUN, JIKA AWANG-AWANG BERMINAT
DALAM KERJAYA TENTERA, HANTARLAH BORANG INI
KEPADA :

PEGAWAI PENGAMBILAN
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
PERKHEMAHAN BOLKIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NAMA.....
NO. KAD PENGENALAN WARNA
TARIKH LAHIR UMUR
ALAMAT
KELULUSAN
NO. TELEFON JIKA ADA
TANDATANGAN.....
TARIKH.....

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

PENYUSUN PROJEK-PROJEK

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENYUSUN PROJEK-PROJEK di Jabatan Telekom, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: C. 3-4 EB. 5—\$1990-\$2970 sebulan.

Gaji bermula bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

- Mesti mempunyai Higher National Diploma atau yang sebanding dalam jurusan Business Studies atau Computer Science.
- Mempunyai minat untuk membuat kerja luar dan sanggup bekerja di luar waktu pejabat.
- Boleh menyediakan laporan teknikal dan kedudukan kewangan dan barang-barang untuk satu-satu projek.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- Bertanggungjawab kepada Jurutera Telekom Kanan.
- Mengumpul data-data dan keterangan mengenai projek-projek dan mengikut perkembangan.
- Menyemak bayaran-bayaran kemajuan kerja.

- Mengendalikan semua file dan dokumen mengenai projek-projek.
- Menilai kedudukan sesuatu projek dan membuat laporan.
- Menyediakan dan mengawas perjanjian-perjanjian mengenai kontrak.
- Mengendalikan quotation.
- Mengendalikan stor bagi projek.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 8 November, 1984.
(Bil iklan: 199/1984)
(E/1465/84).

Tukang Ubat Percubaan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai TUKANG UBAT PERCUBAAN di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: M.3-4-5 EB.6—\$570-\$1850 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Mestilah berumur 18 tahun hingga 21 tahun.
- Mempunyai kelulusan minima tiga (3) mata pelajaran Peringkat 'O' termasuk mata pelajaran sains.
- Calon-calon yang berjaya akan dikehendaki bekerja dalam tempoh minima 6-8 bulan dan selepas itu calon-calon akan dihantar untuk latihan keluar negeri dalam tempoh tiga tahun untuk mendapatkan Certificate of Dispensing

yang akan melayakkan calon-calon menjadi Tukang Ubat Terlatih.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 8 November, 1984.
Bilangan iklan: 205/1984.
(E/114/73)

FIRE BRIGADE DEPARTMENT TENDER NOTICE No. 10/1984

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the Office of Bangunan Kementerian Kewangan, 4th Floor, Jalan James Pearce, Negara Brunei Darussalam up to 12.00 noon on Monday 22nd October, 1984 for the supply and install of the following Fire Brigade Equipments:—

- Vehicle - Emergency Lighting System/CD3.
 - Television Set type Philips and size 24"-28" and Video Set Complete with Aerial Installation.
 - High Expansion Foam/Expandol should be in 5 gallons plastic container.
 - Chain Saw type Husvarna, Model 2100 size 28"-36" Complete with Tool Kits and Sharpener.
2. Tenderers are requested to forward their catalogue

and specifications for the above equipments with their quotations and tenders. All prices quoted to be in Brunei Currency CIF Brunei.

- Date of delivery to be stated.
- Tenders received after the above stated time and date will be rejected.
- Tenders must be placed in plain sealed envelope and marked "Tender for the Supply and Install of Fire Brigade Equipments" and should be addressed to the Chairman Tender Board at the Office of Bangunan Kementerian Kewangan, 4th Floor, Jalan James Pearce, Negara Brunei Darussalam. The time of the tenderer must be written on the envelope.
- The Brunei Government does not bind itself to accept the lowest of any tender received.

Di Jabatan Kemajuan Kerjasama

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Kemajuan Kerjasama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

1. PEGAWAI PEMBEKALAN AM:

Tanggagaji: C. 3-4 EB. 5—\$1990-\$2970 sebulan. Gaji bermula bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

- Kelayakan dan Pengalaman:
- Mestilah berumur 25 hingga 45 tahun.
 - Mempunyai kelulusan Higher National Diploma (Business Studies) atau kelulusan yang sebanding dengannya serta mempunyai kelulusan dalam Book-Keeping sebagai salah satu mata pelajaran.
 - Pengalaman dalam mengendalikan stor perbekalan serta mengimport barang-barang adalah merupakan satu kelebihan.
 - Pengetahuan Bahasa Melayu adalah perlu.

2. PEMANDU TINGKAT I:

Tanggagaji: F. 3-4 EB. 5—\$550-\$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
- Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas III dan V yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil.
- Pemohon-pemohon mestilah telah berkhidmat sebagai Pemandu Tingkat II sekurang-kurangnya selama 3 tahun.
- Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas:

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana saja di dalam Negara Brunei Darussalam.

3. PEKERJA STOR:

Tanggagaji: F.1-2-3-4 EB.5 \$445-\$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 45 tahun serta boleh membaca dan menulis rumi.

4. PENJAGA:

Tanggagaji: F.1-2 EB.3—\$445-\$590 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Berumur tidak kurang dari 25 tahun.
- Hendaklah tahu menulis dan membaca rumi.
- Mempunyai pengalaman menjaga dan mengawas harta benda Kerajaan adalah merupakan satu kelebihan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 8 November, 1984.
(Bil iklan: 207/1984)
(E/1223/84).

Sebagai Kelasi Tingkat I

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai KELASI TINGKAT I (Bahagian Dek) di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: F. 3-4-5 EB. 6—\$550-\$790 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berusia tidak kurang dari 20 tahun dan mempunyai sekurang-kurangnya 4

tahun perkhidmatan laut yang disahkan selaku Kelasi Tingkatan II (Bahagian Dek).

- Pemohon-pemohon mestilah sihat tubuh badan, mempunyai penglihatan yang baik dan lulus ujian penglihatan mata yang disahkan. Pemohon-pemohon mestilah boleh berenang.
- Mempunyai Sijil Kecekapan sebagai Mate Of A Coastal Trade Ship atau sijil yang lebih tinggi adalah menjadi kelebihan.

Tugas-tugas: Selepas menjalani satu tempoh perkhidmatan laut

Kadet Penolong Penguasa Polis

